



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan  
Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI PERAK**

SIRI 3



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA





# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013**

---

Aktiviti Jabatan/Agensi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI PERAK**

**SIRI 3**

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





---

# KANDUNGAN



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KINTA, PEJABAT DAERAH DAN TANAH KERIAN, PEJABAT DAERAH DAN TANAH HILIR PERAK, MAJLIS BANDARAYA IPOH, MAJLIS DAERAH KERIAN, MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN. Pengurusan Papan Iklan Luar Di Atas Tanah Dan Rizab Kerajaan	3
JABATAN KERJA RAYA Pengurusan Perkhidmatan Perunding Projek-Projek Negeri	18
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK Pengurusan Pengeluaran Sijil Halal Malaysia	35
JABATAN PERTANIAN NEGERI PERAK PEJABAT PERTANIAN KINTA PEJABAT PERTANIAN KERIAN Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan	50
<b>PENUTUP</b>	69







---

# KATA PENDAHULUAN



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perak.

2. Pada tahun 2014 ini Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan turut membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk melakukan perubahan peningkatan kesejahteraan rakyat dan menyokong Dasar Transformasi Negara demi mencapai matlamat utama sebagai negara maju dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2013 untuk sesi pembentangan ke tiga tahun 2014 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat Kerajaan.

3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di sebelas Jabatan/Agensi Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan

dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 12 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**

**21 September 2014**



---

# INTISARI LAPORAN



## AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH KINTA  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KERIAN  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH HILIR PERAK  
MAJLIS BANDARAYA IPOH  
MAJLIS DAERAH KERIAN  
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

- **Pengurusan Papan Iklan Luar Di Atas Tanah Dan Rizab Kerajaan**

1.1. Mengikut Undang-undang Kecil Iklan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976, iklan luar ditafsirkan antaranya sebagai apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bertujuan untuk memberitahu orang ramai mengenai barangan keluaran, perniagaan, tempat dan aktiviti atau apa-apa maklumat lain di atas dinding, bumbung, pagar, rangka, kain rentang, tiang, atau mana-mana struktur, perekaan lain, bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, atau atas mana-mana tanah dan termasuk “tanda langit”. Garis Panduan Pemasangan Papan Iklan Di Negeri Perak Tahun 2013 pula mendefinisikan papan iklan luaran sebagai paparan besar yang mengiklankan barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang tidak semestinya dijual di mana pengiklanan itu ditempatkan.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2014 mendapati pengurusan papan iklan luar adalah kurang memuaskan kecuali pengurusan pemantauan LPS di PDT Ipoh adalah baik kerana dibuat secara elektronik. Beberapa kelemahan terutama pelanggaran kepada undang-undang dan peraturan sedia ada, telah dikenal pasti seperti berikut:

- Struktur papan iklan luar dibina di atas tanah Kerajaan dan rizab Kerajaan tanpa Lesen Pendudukan Sementara.
- Papan iklan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan tiada Lesen Pamer.
- Paparan iklan pada struktur jambatan, jejantas, tiang elektrik, tiang telefon dan sebagainya berbentuk *parapet*, *gantry* dan kotak iklan berlampu yang dipasang di atas ruang udara tanah Kerajaan dan rizab Kerajaan tanpa Permit Menggunakan Ruang Udara.
- Penyenggaraan struktur papan iklan tidak dibuat dengan sempurna.
- Papan iklan tanpa Insurans Perlindungan Awam.

**1.3.** Bagi menambah baik pelaksanaan pengurusan papan iklan luar serta mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Negeri dan agensi pelaksana perlu mengambil tindakan seperti berikut:

**1.3.1.** Agensi Pelaksana dan PBT perlu mengambil tindakan pemutihan terhadap papan iklan yang tiada lesen dan permit dan mengeluarkan lesen bagi permohonan yang mematuhi syarat serta menjalankan penguatkuasaan terhadap papan iklan tanpa lesen dengan serta-merta.

**1.3.2.** Pelaksanaan kaedah dan tatacara di semua PDT dan PBT perlu diseragamkan mengikut Garis Panduan Pemasangan Papan Iklan Di Negeri Perak Tahun 2013 serta memastikan pemasangan papan iklan dilindungi dengan Insurans Tanggungan Awam.

**1.3.3.** Mempertingkatkan koordinasi antara agensi pelaksana (PDT/PBT), penguatkuasaan dan Pegawai Pengawal rizab (JKR/JPS/PBT) bagi mempercepatkan keputusan selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

## **2. JABATAN KERJA RAYA**

### **- Pengurusan Perkhidmatan Perunding Projek-Projek Negeri**

**2.1.** Perkhidmatan perunding dalam perolehan Kerajaan ditakrifkan sebagai perunding yang dilantik oleh sesebuah agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran dan pengalaman perunding tersebut bagi melaksanakan sesebuah projek pembangunan fizikal atau yang berbentuk kajian atau penyelidikan. Peranan perunding adalah penting bagi memastikan projek atau kajian yang dipertanggungjawabkan diurus, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan. Tugas perunding merangkumi mengurus projek atau melaksanakan kajian mengikut keperluan yang ditetapkan, mengurus sumber manusia yang terlibat dalam projek atau kajian, mengurus sumber yang terlibat, memberi input pakar terhadap sesuatu projek atau kajian, mengurus masa mengikut perancangan dan menepati jadual pelaksanaan dan memantau kualiti kerja.

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Mei 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perkhidmatan perunding dari segi penyediaan prosedur perolehan bekalan dan perkhidmatan JKR adalah memuaskan. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi antaranya:

- Pengurusan perolehan perunding tidak teratur.
- Kelemahan pengurusan kontrak.
- Projek dilaksanakan tanpa mengguna pakai reka bentuk perunding yang dilantik.
- Projek tertangguh walaupun kerja-kerja perunding telah dilaksanakan.



**2.2.** Bagi menambah baik pengurusan perkhidmatan perunding dengan lebih berkesan, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak disyorkan mengambil tindakan berikut:

**2.2.1.** Memastikan terma-terma perjanjian sentiasa mengikut pindaan semasa sekiranya terdapat perubahan skop kerja demi menjamin kepentingan Kerajaan.

**2.2.2.** Membuat perancangan yang teliti supaya projek dapat dibina menggunakan reka bentuk perunding yang telah dilantik.

**2.2.3.** Memantau pengurusan perkhidmatan perunding dengan lebih berkesan bagi mendapat *value for money* untuk setiap perkhidmatan yang diperolehi.

### **3. JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK**

#### **- Pengurusan Pengeluaran Sijil Halal Malaysia**

**3.1.** Sijil Pengesahan Halal Malaysia (Sijil Halal) merupakan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengesahkan status halal sesuatu makanan, minuman, premis, barangan, aktiviti atau perkhidmatan. Di Negeri Perak, proses permohonan Sijil Halal diuruskan oleh Unit Pengurusan Halal di Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk). Fungsi Unit ini antaranya ialah memproses permohonan serta membuat pemeriksaan di premis makanan, hotel, kilang memproses makanan dan rumah sembelihan untuk memastikan bahan yang diguna serta pemrosesan adalah menepati hukum syarak dan syarat pensijilan yang ditetapkan.

**3.2.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2014 mendapati pengurusan pengeluaran Sijil Halal oleh Unit Pengurusan Halal JAIPk adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pemohon tidak mematuhi syarat untuk kelulusan pensijilan halal.
- Kelewatan mengeluarkan Sijil Halal di peringkat JAKIM.
- Pelanggaran syarat Sijil Halal yang telah diluluskan.
- Risalah berhubung kepentingan pensijilan halal tidak diedarkan.

**3.3.** Bagi memastikan pengurusan pengeluaran Sijil Halal ini dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan Unit Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Perak disyorkan mengambil tindakan berikut:

**3.3.1.** Mengkaji semula prosedur pengeluaran pensijilan halal supaya dapat dikemukakan kepada pengusaha dengan kadar segera dan JAKIM wajar mempertimbangkan untuk

memberi kuasa kepada Jabatan Agama Islam Negeri untuk mengeluarkan Sijil Halal bagi mengelakkan surat pengesahan halal sementara.

**3.3.2.** Memastikan pengusaha mematuhi sepenuhnya syarat-syarat pensijilan halal yang ditetapkan dengan membuat pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pemegang Sijil Halal.

**3.3.3.** Memperluaskan lagi promosi dan hebahan kepada pengusaha dan juga orang awam mengenai kepentingan produk halal kepada masyarakat dan memastikan pengusaha diberikan latihan penggunaan Sistem e-Halal secukupnya berkenaan permohonan Sijil Halal.

#### **4. JABATAN PERTANIAN NEGERI PERAK**

##### **PEJABAT PERTANIAN KINTA**

##### **PEJABAT PERTANIAN KERIAN**

##### **- Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan**

**4.1.** Jabatan Pertanian di setiap negeri dipertanggungjawab untuk melaksanakan program pembangunan bagi memajukan sektor pekebun kecil. Jabatan Pertanian Negeri Perak (Jabatan) berfungsi mempercepatkan transformasi sektor pertanian kepada sektor yang moden, dinamik dan komersial, memberi khidmat perundingan dan sokongan teknikal, membangunkan industri tanaman makanan dan bunga-bunga, menjamin keselamatan makanan dan alam sekitar serta mempertingkatkan pembangunan sumber manusia.

**4.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Mei 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan terhadap Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan adalah memuaskan dari segi prestasi perbelanjaan program, peningkatan keluasan tanaman, bilangan petani, pengeluaran hasil, pencapaian pengeluaran sayur-sayuran adalah melebihi sasaran. Selain itu, Jabatan juga menggalakkan petani mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) dengan cara memohon Sijil Amalan Ladang Baik Malaysia (MyGAP) dan Skim Organik Malaysia (SOM) di mana berlaku peningkatan bilangan penerima sijil pada setiap tahun. Di samping itu, pencapaian pemantauan fizikal oleh Jabatan Pertanian Negeri dan Ajen Pengembangan Kawasan (APK) telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Prestasi pengeluaran padi tidak mencapai sasaran.
- Pendapatan bersih pesawah di daerah Kerian tidak mencapai sasaran.
- Insentif peserta program adalah tidak mengikut peraturan yang berkuat kuasa.
- Perolehan input pertanian tidak direkod, disimpan dan diagihkan dengan sempurna.

- Sijil MyGAP tidak mencapai sasaran dan 10.3% sampel sayur melanggar *Minimum Residual Value (MRL)*.

**4.3.** Bagi memastikan pengurusan Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan Jabatan Pertanian Negeri Perak disyorkan mengambil tindakan berikut:

**4.3.1.** Pemilihan peserta perlu mengikut kriteria dan peraturan yang ditetapkan serta berdaftar dengan Jabatan Pertanian melalui Sistem AgrIS Geoportal sebelum diberi insentif.

**4.3.2.** Perolehan input pertanian perlu mengikut peraturan yang ditetapkan, direkod dengan kemas kini, disimpan dengan selamat dan diagihkan dengan segera.

**4.3.3.** Melaksanakan pemeriksaan secara berterusan untuk mengelakkan pelanggaran *MRL* supaya dapat dikawal pada tahap minimum.





---

**AKTIVITI  
JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI**



# AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

## PEJABAT DAERAH DAN TANAH KINTA PEJABAT DAERAH DAN TANAH KERIAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH HILIR PERAK MAJLIS BANDARAYA IPOH MAJLIS DAERAH KERIAN MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

### 1. PENGURUSAN PAPAN IKLAN LUAR DI ATAS TANAH DAN RIZAB KERAJAAN

#### 1.1. LATAR BELAKANG

**1.1.1.** Mengikut Undang-undang Kecil Iklan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976, iklan luar ditafsirkan antaranya sebagai apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bertujuan untuk memberitahu orang ramai mengenai barangan keluaran, perniagaan, tempat dan aktiviti atau apa-apa maklumat lain di atas dinding, bumbung, pagar, rangka, kain rentang, tiang, atau mana-mana struktur, perekaan lain, bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, atau atas mana-mana tanah dan termasuk “tanda langit”. Garis Panduan Pemasangan Papan Iklan Di Negeri Perak Tahun 2013 pula mendefinisikan papan iklan luaran sebagai paparan besar yang mengiklankan barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang tidak semestinya dijual di mana pengiklanan itu ditempatkan.

**1.1.2.** Pemasangan paparan iklan perlu mengambil kira aspek keselamatan awam, keselesaan, nilai estetik, reka bentuk kawasan bandar dan pandangan penduduk. Pemasangan paparan iklan secara terbuka di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapat kelulusan tapak dan kelulusan mempamer. Kelulusan tapak di Tanah Kerajaan diperoleh daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) secara Lesen Pendudukan Sementara berserta kelulusan daripada pihak berkepentingan (Pegawai Pengawal Rizab) seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan PBT. Manakala kelulusan mempamerkan iklan perlu diperoleh daripada PBT.

**1.1.3.** Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965), Seksyen 42 memperuntukkan kuasa kepada PBN untuk membenarkan pendudukan tanah Kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong di bawah Lesen Pendudukan Sementara. Seksyen 75A pula memperuntukkan kuasa kepada PBN untuk meluluskan pengeluaran permit bagi penggunaan ruang udara atas tanah Kerajaan dan tanah rizab. Peraturan-Peraturan Tanah Perak 1966 (Pindaan 2010), Seksyen 19(a) menetapkan kadar hasil Lesen Pendudukan Sementara papan iklan luar yang dipasang di tanah Kerajaan dan tanah rizab dan Seksyen 19(d) menetapkan kadar hasil Permit Mengguna Ruang Udara.

**1.1.4.** Selain daripada KTN 1965, terdapat beberapa akta yang memperuntukkan undang-undang terhadap pemasangan papan iklan luar seperti Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Seksyen 19(1) dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

## **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan papan iklan luar di atas tanah Kerajaan dan rizab Kerajaan dilaksanakan mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

## **1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan terhadap pelaksanaan pengurusan papan iklan luar di Pejabat Daerah Dan Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan di 3 daerah terdiri daripada Daerah Kinta Ipoh, Kerian dan Hilir Perak. Pengauditan meliputi aspek pengeluaran lesen dan permit serta hasil papan iklan luar di atas tanah Kerajaan dan rizab Kerajaan bagi tahun 2011 hingga 2013. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak pensampelan dokumen, temu bual dengan pegawai dan lawatan ke tapak.

## **1.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2014 mendapati pengurusan papan iklan luar adalah kurang memuaskan kecuali pengurusan pemantauan Lesen Pendudukan Sementara di PDT Ipoh adalah baik kerana dibuat secara elektronik. Beberapa kelemahan terutama pelanggaran kepada undang-undang dan peraturan sedia ada, telah dikenal pasti seperti berikut:

- Struktur papan iklan luar dibina di atas tanah Kerajaan dan rizab Kerajaan tanpa Lesen Pendudukan Sementara.
- Papan iklan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan tiada Lesen Pamer.
- Paparan iklan pada struktur jambatan, jejantas, tiang elektrik, tiang telefon dan sebagainya berbentuk *parapet*, *gantry* dan kotak iklan berlampu yang dipasang di atas ruang udara tanah Kerajaan dan rizab Kerajaan tanpa Permit Mengguna Ruang Udara.
- Penyenggaraan struktur papan iklan tidak dibuat dengan sempurna.
- Papan iklan tanpa Insurans Perlindungan Awam.



#### 1.4.1. Prestasi Pengeluaran Lesen, Permit Dan Hasil

Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dan Permit Menggunakan Ruang Udara (PMRU) dikeluarkan oleh PDT manakala Lesen Pamer dikeluarkan oleh PBT. Tujuan pengeluaran LPS, PMRU dan lesen pamer tersebut adalah untuk membenarkan pemohon membina struktur papan iklan, memasang paparan iklan dan mempamerkan iklan di tanah Kerajaan atau rizab Kerajaan. LPS dan PMRU sah laku untuk tempoh setahun manakala lesen pamer sah laku mengikut tempoh kelulusan. Semakan Audit dijalankan terhadap 3 PDT dan 3 PBT mendapati bilangan lesen dan permit pamer sementara dikeluarkan dalam tahun 2011 hingga 2013 adalah sebanyak 230,129 dan jumlah kutipan hasil daripada lesen dan permit tersebut berjumlah RM6.59 juta. Butiran selanjutnya seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Bilangan Lesen, Permit dan Hasil Mengikut Jenis Bagi Tahun 2011 hingga 2013**

Jenis Lesen/Permit	Bilangan Lesen & Permit			Jumlah Kutipan Hasil (RM Juta)		
	2011	2012	2013	2011	2012	2013
Lesen Pendudukan Sementara	30	24	60	0.03	0.06	0.02
Lesen Pamer	249	240	235	0.30	0.31	0.30
Permit Pamer Sementara	60,265	86,839	82,187	1.93	2.00	1.64
Permit Ruang Udara (Populasi*)	0 (316)	0 (316)	0 (316)	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>60,544</b>	<b>87,103</b>	<b>82,482</b>	<b>2.26</b>	<b>2.37</b>	<b>1.96</b>

Sumber: PDT Ipoh, Hilir Perak, Kerian dan MBI, MPTI, MDK

Catatan: Populasi\* permit ruang udara merujuk bilangan *parapet* dan *gantry* di kawasan MBI Ipoh.

#### 1.4.2. Lesen Pendudukan Sementara

Mengikut Seksyen 42 (1)(c) KTN 1965, Pihak Berkuasa Negeri membenarkan pendudukan tanah Kerajaan dan rizab Kerajaan di bawah LPS untuk tempoh setahun yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Lesen tersebut dikenakan bayaran seperti ditetapkan dalam Perkara 19(a) Peraturan Tanah Perak 1966 (Pindaan 2010) untuk papan iklan luar bersaiz satu meter persegi atau sebahagiannya dengan minimum RM100. Semakan Audit mendapati sebanyak 114 LPS telah dikeluarkan pada tahun 2011 hingga 2013 yang melibatkan kutipan hasil berjumlah RM0.12 juta. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**  
**Bilangan LPS Dan Hasil Bagi Tahun 2011 hingga 2013**

Pejabat Daerah Dan Tanah	Bilangan LPS			Jumlah Kutipan Hasil (RM)		
	2011	2012	2013	2011	2012	2013
Pejabat Daerah Dan Tanah Ipoh	5	15	52	23,594	58,674	23,417
Pejabat Daerah Dan Tanah Hilir Perak	11	9	8	5,009	2,629	2,109
Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian	14	0	0	6,650	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>24</b>	<b>60</b>	<b>35,253</b>	<b>61,303</b>	<b>25,526</b>

Sumber: PDT Ipoh, Hilir Perak dan Kerian

#### 1.4.2.1. Bayaran Lesen Tidak Teratur

Semakan Audit mendapati 3 pelesen di daerah Hilir Perak dan 14 di daerah Kerian hanya membuat bayaran LPS pada tahun 2011 manakala bayaran LPS tidak dibayar untuk tahun 2012 dan 2013. Selain itu, kadar bayaran LPS yang dikeluarkan oleh PDT Kerian bagi tahun 2011 tidak mengikut kadar yang ditetapkan dalam PTP (Pindaan 2010). Butiran selanjutnya adalah seperti berikut:

- a. Pada tahun 2004, Pentadbir Tanah Kerian telah meluluskan 14 permohonan tapak papan iklan seluas 200 kaki persegi bagi setiap permohonan dengan kadar bayaran RM475 setahun. Mengikut Pekeliling Pejabat Tanah Dan Galian Bil. 5 Tahun 1999 kadar bayaran LPS untuk papan iklan hendaklah dikira berasaskan luas permukaan papan iklan. Semakan Audit mendapati kadar bayaran LPS pada tahun 2011 yang dikenakan untuk 14 struktur papan iklan tersebut adalah berjumlah RM475 setahun dengan nilai kutipan RM6,650. Selain itu, enam daripada 14 papan iklan tidak mengikut saiz yang diluluskan. Mengikut rekod, saiz papan iklan diluluskan adalah berukuran 10' x 40' (37.21 m<sup>2</sup>) dengan nilai kutipan berjumlah RM63,998 untuk tahun 2012 dan 2013. Lawatan Audit pada 24 April 2014 mendapati saiz papan iklan tersebut adalah antara 19' X 12' hingga 20' X 40' (21.21 m<sup>2</sup> hingga 74.42 m<sup>2</sup>).
- b. Mengikut pengiraan Audit berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam PTP (Pindaan 2010), kadar bayaran sepatutnya dikenakan bagi setiap satu kelulusan bagi tahun 2011 adalah antara RM2,200 hingga RM7,500 dengan anggaran kutipan berjumlah RM63,870. Hasil LPS terkurang kutip adalah berjumlah RM57,220. Berdasarkan saiz tersebut anggaran LPS yang sepatut dikutip adalah berjumlah RM0.13 juta bagi tempoh 2 tahun tersebut.
- c. Pada tahun 2011, Pejabat Daerah Dan Tanah Hilir Perak telah mengeluarkan 11 LPS untuk papan iklan luar dengan nilai kutipan berjumlah RM5,009. Bagaimanapun, papan iklan tersebut masih kekal hingga ke tarikh pengauditan dan tiada bayaran LPS dijelaskan untuk tahun 2012 dan 2013 mengikut nilai yang ditetapkan oleh PDT. Semakan Audit mendapati nilai bayaran LPS yang sepatutnya diterima untuk 3 tahun adalah berjumlah RM30,290. Bagaimanapun, jumlah yang diterima hanya berjumlah RM9,075 untuk tahun 2011 manakala sejumlah RM21,215 untuk tahun 2012 hingga 2013 tidak kutip oleh PDT Hilir Perak.
- d. Antara contoh papan iklan yang tidak dikeluarkan LPS pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

**Gambar 1.1**  
**Papan Iklan Tanpa LPS**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Hilir Perak  
Tarikh: 24 April 2014

**Gambar 1.2**  
**Papan Iklan Tanpa LPS**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Hilir Perak  
Tarikh: 24 April 2014

- e. **Mengikut maklum balas PDT Kerian bertarikh 9 Julai 2014, selepas mendapat teguran pihak Audit satu perbincangan di antara PDT dan pelesen telah diadakan di mana pihak pelesen bersetuju untuk membuat bayaran bagi tahun 2012 dan 2013.**

#### 1.4.2.2. Struktur Binaan Tanpa LPS

Semakan Audit terhadap rekod PDT dan PBT terlibat bagi tahun 2011 hingga 2013 serta lawatan fizikal di laluan-laluan utama mendapati sebanyak 491 struktur papan iklan dibina tanpa LPS di atas tanah Kerajaan, rizab Kerajaan dan di jajaran Lebuh Raya Utara Selatan. Saiz satu unit papan iklan yang dipasang adalah antara 6' X 10' (5.58 m<sup>2</sup>) hingga 20' X 40' (74.42 m<sup>2</sup>). Kewujudan papan iklan tanpa LPS antaranya disebabkan pihak pemohon membina struktur papan iklan terlebih dahulu tanpa memohon LPS, kurangnya pemantauan dan penguatkuasaan serta tiada koordinasi antara PBT dengan Pentadbir Tanah serta agensi lain yang mengawal rizab seperti JKR dan JPS. Mengikut perkiraan Audit, sekiranya struktur papan iklan tersebut dilesenkan, anggaran hasil yang boleh dikutip adalah berjumlah RM1.86 juta. Pengiraan ini berdasarkan purata saiz papan iklan iaitu 10' x 40' (37.21 m<sup>2</sup>) dengan mengambil kira kadar bayaran LPS yang ditetapkan dalam PTP (Pindaan 2010). Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Bilangan Papan Iklan Tanpa LPS Pada Tahun 2013**

Daerah	Lokasi Papan Iklan	Bilangan Papan Iklan	Jumlah Hasil Jika LPS Boleh Dilesenkan (RM Juta)
Ipoh	Jajaran Lebuh Raya Utara Selatan	30	0.11
	Tanah Kerajaan dan Rizab Kerajaan	248	0.94
Hilir Perak	Tanah Kerajaan dan Rizab Kerajaan	47	0.18
Kerian	Tanah Kerajaan dan Rizab Kerajaan	138	0.52
	Jajaran Lebuh Raya Utara Selatan	28	0.11
<b>Jumlah</b>		<b>491</b>	<b>1.86</b>

Sumber: PDT Ipoh, Hilir Perak dan Kerian

- a. Sebanyak 248 papan iklan dibina atas tanah Kerajaan dan rizab Kerajaan di daerah Ipoh tanpa LPS. Data ini berasaskan bancian yang dibuat oleh PDT Ipoh pada tahun 2013 dan direkodkan dalam Sistem Pemantauan LPS Papan Iklan. Selain itu, lawatan Audit pada 20 Mei 2014 bersama pegawai PDT Ipoh mendapati 30 papan iklan didirikan di atas tanah jajaran Lebuhraya Utara Selatan tanpa LPS. Bagaimanapun, selepas teguran Audit pihak MBI telah mengambil tindakan merobohkan struktur papan iklan yang tidak dilesenkan. **Gambar 1.3** hingga **Gambar 1.6** adalah berkaitan.

**Gambar 1.3**  
**Papan Iklan Tanpa LPS**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Ipoh  
Tarikh: 20 Mei 2014

**Gambar 1.4**  
**Struktur Papan Iklan Dirobuhkan**



Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh  
Lokasi: Daerah Ipoh  
Tarikh: 2 Jun 2014

**Gambar 1.5**  
**Papan Iklan Tanpa LPS**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Ipoh  
Tarikh: 20 Mei 2014

**Gambar 1.6**  
**Struktur Papan Iklan Dirobuhkan**



Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh  
Lokasi: Daerah Ipoh  
Tarikh: 2 Jun 2014

- b. Didapati sebanyak 47 struktur binaan papan iklan tanpa LPS di daerah Hilir Perak bagi tujuan sewaan pengiklanan. Terdapat 10 daripadanya mempunyai rekod pembayaran dan 6 daripadanya adalah milik Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) manakala 4 lagi milik syarikat swasta yang diluluskan pada tahun 2013. Mengikut pengiraan Pentadbir Tanah Hilir Perak, bayaran LPS bagi tahun 2013 yang perlu dibayar oleh MPTI dan syarikat-syarikat tersebut adalah antara RM700 hingga RM7,200 setiap satu iaitu dengan jumlah keseluruhan RM29,936. Bagaimanapun,

Lesen Pendudukan Sementara tersebut tidak dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Hilir Perak kerana bayaran berjumlah RM29,936 tidak dijelaskan oleh pemohon berkenaan. Lawatan Audit pada 15 April 2014 bersama pegawai PDT Hilir Perak dan pegawai MPTI mendapati saiz struktur papan iklan tersebut tidak mengikut yang diluluskan seperti di **Gambar 1.7** manakala **Gambar 1.8** adalah alat yang digunakan untuk menunjukkan lokasi papan iklan yang dibenarkan.

**Gambar 1.7**  
**Papan Iklan Tanpa LPS**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Changkat Jong Hilir Perak  
Tarikh: 15 April 2014

**Gambar 1.8**  
**Penentuan Lokasi Papan Iklan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Hilir Perak  
Tarikh: 15 April 2014

- c. Sebanyak 28 struktur papan iklan telah dibina di atas tanah Kerajaan dan rizab Kerajaan serta 138 struktur papan iklan di jajaran Lebuhraya Utara Selatan di daerah Kerian. Struktur binaan papan iklan tersebut dimiliki oleh pelbagai syarikat bagi tujuan pengiklanan secara komersial manakala Majlis Daerah Kerian (MDK) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi tujuan sewaan pengiklanan seperti di **Gambar 1.9** dan **Gambar 1.10**.

**Gambar 1.9**  
**Papan Iklan Tanpa LPS**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Kerian  
Tarikh: 1 April 2014

**Gambar 1.10**  
**Papan Iklan Tanpa LPS**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Kerian  
Tarikh: 1 April 2014

- d. Mengikut maklum balas PDT Kerian bertarikh 9 Julai 2014, pihak PDT berpendapat kawasan di sepanjang jajaran PLUS di dalam Negeri Perak dianggap tidak tertakluk kepada kelulusan pemberian LPS oleh Pentadbir Tanah. Kelulusan pewartaan Lebuhraya Utara Selatan hanya boleh dibuat selepas proses pengambilan tanah selesai. Selain itu, perbincangan bersama pihak PDT dan MDK untuk membuat banciaan semula papan iklan di jalan Negeri dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan akan dibuat sekiranya perlu.

### 1.4.3. Lesen Pamer

Mengikut perenggan 7 dalam Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kerian) 2013 bahawa tiada seorang pun boleh mempamerkan atau mendirikan apa-apa iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis. Peruntukan yang sama juga tertakluk di bawah Undang-Undang Kecil PBT masing-masing.

#### 1.4.3.1. Prestasi Pengeluaran Lesen Dan Hasil

- a. Berdasarkan rekod MBI, MPTI dan MDK sebanyak 724 lesen pameran telah dikeluarkan bagi pemasangan papan iklan pada tahun 2011 hingga 2013. Sejumlah RM0.92 juta telah dikutip daripada bayaran lesen pameran tersebut. Hasil yang dikutip adalah berdasarkan bilangan lesen yang dikeluarkan dan mengikut kadar bayaran lesen PBT masing-masing seperti di **Jadual 1.4**.

**Jadual 1.4**  
Bilangan Lesen Pamer Dan Hasil Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Lesen			Kutipan Hasil (RM)		
	2011	2012	2013	2011	2012	2013
Majlis Bandaraya Ipoh	190	173	165	288,455	293,120	284,600
Majlis Perbandaran Teluk Intan	15	23	26	2,236	3,316	3,681
Majlis Daerah Kerian	44	44	44	13,284	13,284	13,284
<b>Jumlah</b>	<b>249</b>	<b>240</b>	<b>235</b>	<b>303,975</b>	<b>309,720</b>	<b>301,565</b>

Sumber: MBI, MPTI dan MDK

- b. Kutipan tersebut dikenakan mengikut kadar saiz papan iklan sebanyak 1 meter persegi dan saiz seterusnya melebihi 1 meter persegi yang mempunyai lampu atau tanpa lampu mengikut Undang-Undang Kecil PBT masing-masing. Butiran kadar lesen mengikut PBT yang berkenaan adalah seperti di **Jadual 1.5**.

**Jadual 1.5**  
Kadar Lesen Papan Iklan Mengikut Saiz

Pihak Berkuasa Tempatan	Kadar/Saiz Papan Iklan (RM/ m <sup>2</sup> )			
	Saiz 1 m <sup>2</sup>		Saiz Seterusnya	
	Berlampu	Tanpa Lampu	Berlampu	Tanpa Lampu
Majlis Bandaraya Ipoh	20	20	20	20
Majlis Perbandaran Teluk Intan	60	30	6	4
Majlis Daerah Kerian	80	60	10	10

Sumber: MBI, MPTI dan MDK

### 1.4.3.2. Iklan Dipamer Tanpa Lesen

- a. Berdasarkan Laporan Pemantauan Papan Iklan Luar dan lawatan Audit pada 1 April hingga 2 Jun 2014 mendapati pada tahun 2013 sebanyak 351 papan iklan dipasang tanpa kebenaran PBT di atas tanah Kerajaan dan rizab Kerajaan serta jajaran jalan di Lebuh Raya Utara Selatan seperti di **Gambar 1.11**. Mengikut pengiraan Audit, anggaran hasil yang boleh dikutip jika dilesenkan adalah berjumlah RM0.18 juta. Pengiraan ini berasaskan kadar bayaran minimum berjumlah RM20 bagi daerah Ipoh, RM3 daerah Hilir Perak dan RM10 di daerah Kerian bagi setiap 1 meter persegi keluasan papan iklan. Secara purata saiz setiap satu papan iklan adalah 10' X 40' (37.21 m<sup>2</sup>) seperti di **Jadual 1.6**. Bagaimanapun setelah mendapat teguran Audit, pihak MBI telah mengambil tindakan merobohkan struktur papan iklan yang tidak mematuhi syarat seperti di **Gambar 1.12**. Manakala permohonan papan iklan seperti di **Gambar 1.13** yang memenuhi syarat masih di peringkat proses kelulusan lesen.

**Jadual 1.6**  
**Bilangan Papan Iklan Tanpa Lesen Pada Tahun 2013**

Daerah	Kedudukan Papan Iklan	Bilangan Papan Iklan	Jumlah Hasil Jika Lesen Pamer Dilesenkan (RM)
Ipoh	Jajaran Lebuh Raya Utara Selatan	30	22,800
	Tanah Kerajaan dan Rizab Kerajaan	133	101,080
Hilir Perak	Tanah Kerajaan dan Rizab Kerajaan	47	5,252
Kerian	Tanah Kerajaan dan Rizab Kerajaan	28	10,466
	Jajaran Lebuh Raya Utara Selatan	113	42,036
<b>Jumlah</b>		<b>351</b>	<b>181,634</b>

Sumber: PDT Ipoh, Hilir Perak dan Kerian

**Gambar 1.11**  
**Papan Iklan Tanpa Lesen**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Ipoh  
Tarikh: 20 Mei 2014

**Gambar 1.12**  
**Papan Iklan Dirobuhkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Ipoh  
Tarikh: 20 Mei 2014



**Gambar 1.13**  
**Papan Iklan Tanpa Lesen**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Ipoh  
Tarikh: 20 Mei 2014

- b. **Mengikut maklum balas MBI bertarikh 7 Julai 2014, berikut adalah tindakan yang diambil selepas mendapat teguran pihak Audit:**
- i. Pihak Majlis telah mengenal pasti beberapa papan iklan yang menyebabkan halangan dan tidak berlesen. Sebagai langkah pencegahan, pada bulan Mac hingga Jun 2014 mana-mana paparan papan iklan yang tidak berlesen di rizab Jalan Negeri dan Persekutuan telah diturunkan segera oleh Bahagian Penguat kuasa.
  - ii. Sebanyak 11 papan iklan telah diturunkan daripada strukturnya di sepanjang jajaran Lebuhraya Utara Selatan antara persimpangan tol Jelapang hingga susur keluar ke Jalan Tambun, Ipoh pada 18 Jun 2014 manakala baki sebanyak 10 papan iklan di jajaran yang sama telah dilesenkan.
  - iii. Pihak Majlis telah menjalankan lawatan tapak dan siasatan secara berperingkat ke atas semua papan iklan di Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan di dalam kawasan pentadbiran Majlis. Antara jalan yang telah dilawati pada 4 Julai 2014 adalah Jalan Kuala Kangsar, Jalan Chemor dan Jalan Silibin.
  - iv. Bagi papan iklan yang terletak di Lebuhraya Utara Selatan, notis telah dihantar kepada 4 syarikat yang mempunyai alamat pemilik yang lengkap pada 7 Julai 2014. Manakala 5 syarikat yang tidak dapat dikenal pasti, tindakan telah diambil oleh Jabatan Pelesenan Dan Penguatkuasaan dengan menampal notis pada papan iklan tersebut pada 7 Julai 2014. Kegagalan pihak syarikat mematuhi kehendak notis dan menurunkan papan iklan dalam masa 7 hari daripada tarikh notis, pihak MBI bersedia menurunkan papan iklan tersebut dengan kadar segera.
- c. **Mengikut maklum balas Majlis Daerah Kerian bertarikh 9 Julai 2014, Tindakan pemutihan sedang dijalankan oleh pihak Majlis terhadap 18 unit iklan di jalan Negeri dan Persekutuan.**



#### 1.4.4. Permit Ruang Udara

Mengikut Seksyen 75A KTN 1965, Pihak Berkuasa Negeri meluluskan pengeluaran permit bagi maksud membina, menyenggara dan menduduki sesuatu struktur di atas tanah Kerajaan atau tanah rizab, atau melintasi atas tanah Kerajaan atau tanah rizab. Seksyen 19(d) Peraturan Tanah Perak 1966 (Pindaan 2010) pula memperuntukkan bayaran permit ruang udara di atas tanah Kerajaan dan rizab Kerajaan adalah pada kadar RM60 setahun.

**1.4.4.1.** Berdasarkan rekod MBI sebanyak 19 papan iklan jenis *parapet* dan *gantry* bersaiz 94 meter persegi setiap unit yang ditempatkan pada jambatan dan jejantas di atas tanah Kerajaan atau rizab Kerajaan telah diluluskan permit pameran. Selain itu, sebanyak 297 kotak iklan berlampu telah dipasang di tiang-tiang lampu di sekitar kawasan Bandaraya Ipoh seperti di **Gambar 1.14** hingga **Gambar 1.17**. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada bukti paparan iklan tersebut diluluskan Permit Menggunakan Ruang Udara. Mengikut pengiraan Audit, sejumlah RM0.11 juta hasil tahun 2011 hingga 2013 boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri sekiranya kesemua papan iklan jenis *parapet*, *gantry* dan kotak iklan berlampu tersebut diluluskan Permit Menggunakan Ruang Udara. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.7**.

**Jadual 1.7**

**Perkiraan Anggaran Hasil Permit Ruang Udara Bagi Tahun 2011 hingga 2013**

Butiran	Parapet Dan Gantry			Kotak Iklan Berlampu		
	2011	2012	2013	2011	2012	2013
Bilangan Iklan	19 unit	19 unit	19 unit	297 unit	297 unit	297 unit
Saiz	98 m <sup>2</sup>	98 m <sup>2</sup>	98 m <sup>2</sup>	2 m <sup>2</sup>	2 m <sup>2</sup>	2 m <sup>2</sup>
Hasil PMRU Setiap Unit	RM1,020	RM1,020	RM1,020	RM60	RM60	RM60
Hasil Keseluruhan PMRU	RM19,380	RM19,380	RM19,380	RM17,820	RM17,820	RM17,820
<b>Jumlah</b>	<b>RM58,140</b>			<b>RM53,460</b>		
<b>Jumlah Besar</b>	<b>RM111,600</b>					

Sumber: MBI dan Jabatan Audit Negara Negeri Perak

**Gambar 1.14**  
**Kotak Iklan Lampu**  
**Tanpa Permit Ruang Udara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Ipoh  
Tarikh: 26 Jun 2014

**Gambar 1.15**  
**Papan Iklan di Jejambat**  
**Tanpa Permit Ruang Udara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Ipoh  
Tarikh: 20 Mei 2014

**Gambar 1.16**  
**Papan Iklan di Struktur**  
**Tanpa Permit Ruang Udara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Ipoh  
Tarikh: 26 Jun 2014

**Gambar 1.17**  
**Papan Iklan di Jejantas**  
**Tanpa Permit Ruang Udara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Ipoh  
Tarikh: 20 Mei 2014

**1.4.4.2. Mengikut maklum balas MBI bertarikh 7 Julai 2014, pihak Majlis mengakui tiada permohonan kepada Pentadbir Tanah disebabkan kekeliruan Pihak Berkuasa Melulus. Bagaimanapun, berdasarkan Bengkel Papan Iklan yang dianjurkan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada 16 hingga 18 Mac 2014, pihak Majlis telah diberi maklum bahawa Pentadbir Tanah akan dirujuk bagi permit ruang udara.**

#### **1.4.5. Penyenggaraan Papan Iklan**

Mengikut Garis Panduan Pemasangan Papan Iklan Di Negeri Perak Darul Ridzuan, antara aspek penyenggaraan dan keselamatan papan iklan luar yang perlu dipatuhi adalah bahan strukturnya hendaklah tahan lama, tidak berkarat dan mampu menampung *wind load* yang ditentukan oleh PBT. Selain itu, papan iklan tersebut tidak dibenarkan kosong pada setiap masa bagi mengelak pencemaran pemandangan. Notis atau mesej Kerajaan hendaklah dipasang oleh pemilik struktur sementara menunggu penyewa pengiklanan.

##### **1.4.5.1. Papan Iklan Tidak Disenggara**

Lawatan Audit di ketiga-tiga daerah mendapati beberapa struktur besi papan iklan berkarat dan papan iklan lekang daripada struktur utama yang boleh membahayakan pengguna jalan raya atau orang awam. Selain itu, terdapat papan iklan kosong yang terbiar tanpa disenggara dengan baik oleh pemilik struktur. Antara contoh papan iklan tersebut adalah seperti di **Gambar 1.18** hingga **Gambar 1.21**.

**Gambar 1.18**  
**Struktur Besi Papan Iklan Berkarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Kerian  
Tarikh: 1 April 2014

**Gambar 1.19**  
**Papan Iklan Lengkang Daripada Struktur**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Hilir Perak  
Tarikh: 23 April 2014

**Gambar 1.20**  
**Papan Iklan Kosong Dan Semak Samun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ipoh  
Tarikh: 20 Mei 2014

**Gambar 1.21**  
**Papan Iklan Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ipoh  
Tarikh: 20 Mei 2014

**1.4.5.2. Mengikut maklum balas MBI bertarikh 7 Julai 2014, berikut adalah tindakan yang diambil selepas mendapat teguran pihak Audit.**

- a. **Bagi papan iklan yang tidak di senggara, pihak Majlis telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat amaran kepada pelesen iaitu Syarikat UPD Sdn. Bhd. bertarikh 26 Jun 2014. Pihak syarikat telah diberi tempoh 7 hari daripada tarikh surat amaran untuk menyenggara papan iklan dan sekiranya gagal, pihak Majlis akan menurunkan papan iklan tersebut.**
- b. **Pihak Majlis telah menghantar surat peringatan kepada pelesen papan iklan kosong iaitu Syarikat Spectrum Outdoor Sdn. Bhd. bertarikh 1 Julai 2014.**

#### 1.4.6. Insurans Tanggungan Awam

**1.4.6.1.** Mengikut Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bilangan 2 Tahun 2009, lesen permohonan pemasangan papan iklan boleh dikeluarkan oleh PBT mengikut Undang-Undang Kecil Iklan di bawah peruntukan Seksyen 102(a) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Pekeliling dan Undang-undang kecil tersebut mensyaratkan pemasangan papan iklan dilindungi insurans *public liability* pada kadar yang ditentukan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia/JKR/PBT bagi jalan di bawah kawalan masing-masing. Begitu juga, Garis Panduan Pemasangan Papan Iklan Di Negeri Perak Tahun 2013 menetapkan peraturan yang sama. Semakan Audit mendapati kesemua 838 papan iklan yang lesen pamernya dikeluarkan sejak tahun 2011 di ketiga-tiga PBT tidak dilindungi dengan Insurans Tanggungan Awam. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh mendedahkan Kerajaan dan PBT kepada sebarang tuntutan oleh pihak ketiga akibat daripada pembinaan struktur iklan tersebut.

**1.4.6.2.** **Mengikut maklum balas MBI bertarikh 7 Julai 2014, berikut adalah makluman dan tindakan yang diambil selepas mendapat teguran pihak Audit.**

- a. **Sebanyak 5 daripada 10 lesen yang diluluskan telah pun mempunyai insurans tanggungan awam bagi tempoh setahun mulai tahun 2014.**
- b. **Pihak Majlis telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua pelesen yang belum mempunyai insurans tanggungan awam untuk mengemukakan salinan insurans tersebut dan sekiranya gagal, lesen pameran akan ditamatkan serta merta.**
- c. **Sebagai tindakan pencegahan, lesen pameran papan iklan hanya akan diluluskan sekiranya syarat-syarat permohonan lengkap diterima oleh Jabatan Pelesenan Dan Penguat kuasa berserta salinan Insurans Tanggungan Awam. Pelesen juga perlu mengemukakan Insurans Tanggungan Awam yang terkini dan sah berkuat kuasa dalam tempoh sebulan sebelum tarikh tamat insurans. Pihak Majlis akan menyediakan *Standard Operating Procedures* bagi pengeluaran semua lesen papan iklan yang dijangka akan disiapkan dalam tempoh 2 bulan.**

#### 1.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan pengurusan papan iklan luar serta mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi pelaksana perlu mengambil tindakan seperti berikut:

**1.5.1.** Agensi Pelaksana dan PBT perlu mengambil tindakan pemutihan terhadap papan iklan yang tiada lesen dan permit dan mengeluarkan lesen bagi permohonan yang mematuhi syarat serta menjalankan penguatkuasaan terhadap papan iklan tanpa lesen dengan serta-merta.

**1.5.2.** Pelaksanaan kaedah dan tatacara di semua PDT dan PBT perlu diseragamkan mengikut Garis Panduan Pemasangan Papan Iklan Di Negeri Perak Tahun 2013 serta memastikan pemasangan papan iklan dilindungi dengan Insurans Tanggungan Awam.

**1.5.3.** Mempertingkatkan koordinasi antara agensi pelaksana (PDT/PBT), penguatkuasaan dan Pegawai Pengawal rizab (JKR/JPS/PBT) bagi mempercepatkan keputusan selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

# JABATAN KERJA RAYA

## 2. PENGURUSAN PERKHIDMATAN PERUNDING PROJEK-PROJEK NEGERI

### 2.1. LATAR BELAKANG

**2.1.1.** Perkhidmatan perunding dalam perolehan Kerajaan ditakrifkan sebagai perunding yang dilantik oleh sesebuah agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran dan pengalaman perunding tersebut bagi melaksanakan sesebuah projek pembangunan fizikal atau yang berbentuk kajian atau penyelidikan. Peranan perunding adalah penting bagi memastikan projek atau kajian yang dipertanggungjawabkan diurus, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan. Tugas perunding merangkumi mengurus projek atau melaksanakan kajian mengikut keperluan yang ditetapkan, mengurus sumber manusia yang terlibat dalam projek atau kajian, mengurus sumber yang terlibat, memberi input pakar terhadap sesuatu projek atau kajian, mengurus masa mengikut perancangan dan menepati jadual pelaksanaan dan memantau kualiti kerja.

**2.1.2.** Perkhidmatan perunding pembangunan fizikal meliputi bidang-bidang arkitek, kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan mekanikal dan elektrik, ukur bahan, perancang bandar dan desa, landskap dan lain-lain kerja perkhidmatan teknikal yang berkaitan kejuruteraan atau pembinaan. Selain itu, khidmat perunding pembangunan fizikal turut meliputi kerja-kerja ukur tanah, kerja ukur khusus dan penilaian harta.

**2.1.3.** Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Perak untuk tempoh 5 tahun bermula tahun 2011. Bagi menjayakan RMKe-10, sejumlah RM1.5 bilion telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk diagihkan kepada 10 Jabatan Negeri bagi pelaksanaan pelbagai projek yang dirancang. Sejumlah RM345 juta diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Perak (JKR) bagi melaksanakan projek-projek Negeri Perak. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM177 juta merupakan peruntukan bagi melaksanakan projek-projek berkenaan pembinaan, memperelok, melebar dan menaik taraf jalan dan jambatan. Manakala baki RM168 juta adalah bagi melaksanakan projek-projek pembinaan dan ubahsuai yang melibatkan istana negeri, kediaman rasmi dan pelbagai bangunan Kerajaan Negeri.

**2.1.4.** Kerja-kerja perunding di JKR bagi tahun 2011 hingga 2013 melibatkan 3 Bahagian iaitu Bahagian Jalan, Bangunan dan Korporat yang terdiri daripada perunding reka bentuk, penyeliaan kerja-kerja kejuruteraan dan pembinaan, ukur bahan dan juruukur tanah. Bagi tempoh 2011 hingga 2013 terdapat 57 daripada 91 projek yang dilaksanakan oleh JKR melibatkan lantikan perunding dengan kos perunding sejumlah RM11.73 juta seperti di **Jadual 2.1.**

**Jadual 2.1**  
**Maklumat Berkaitan Jenis, Kos Dan Bilangan Projek Yang Dilaksanakan Perunding**

Bil.	Bahagian	Jenis Perunding	Bilangan Projek	Jumlah Kos Projek Termasuk Anggaran (RM Juta)	Bilangan Projek Mempunyai Perunding	Jumlah Kos Perunding (RM Juta)
1.	Jalan	Perunding Reka Bentuk	29	300.94	21	11.00
		Penyeliaan				
2.	Bangunan	Ukur Bahan	27	113.64	1	0.16
3.	Korporat	Juruukur Tanah	35	210.40	35	0.57
<b>Jumlah</b>			<b>91</b>	<b>624.98</b>	<b>57</b>	<b>11.73</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perak

## 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada perkhidmatan perunding diurus dengan cekap dan berhemat untuk menghasilkan projek yang bermutu serta dilaksanakan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

## 2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perkhidmatan perunding terhadap projek-projek Kerajaan Negeri yang dilaksanakan oleh JKR bagi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan di JKR Negeri Perak dengan menyemak undang-undang serta peraturan yang ditetapkan, manual prosedur serta peraturan kerja, rekod perakaunan dan dokumen berkaitan perkhidmatan perunding yang dilantik oleh JKR. Pemilihan sampel pengauditan adalah sekurang-kurangnya 10% daripada bilangan projek yang menggunakan perkhidmatan perunding. Lawatan Audit ke lokasi projek terpilih melibatkan Pejabat Kewangan Negeri serta JKR Daerah Kinta, Manjung, Taiping dan Kuala Kangsar. Selain itu, temu bual dengan pihak yang terlibat juga telah dijalankan.

## 2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Mei 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perkhidmatan perunding dari segi penyediaan prosedur perolehan bekalan dan perkhidmatan JKR adalah memuaskan. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi antaranya:

- Pengurusan perolehan perunding tidak teratur.
- Kelemahan pengurusan kontrak.

- Projek dilaksanakan tanpa mengguna pakai reka bentuk perunding yang dilantik.
- Projek tertangguh walaupun kerja-kerja perunding telah dilaksanakan.

#### **2.4.1. Pengurusan Perolehan Perunding Tidak Teratur**

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) dan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding (MPPP) Edisi 2011 adalah suatu arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan menurut Seksyen 4 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). JKR sebagai agensi Kerajaan adalah tertakluk kepada SPP dan MPPP yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan. Sebarang perubahan atau pengecualian dalam mengguna pakai SPP dan MPPP dalam pelaksanaan projek, kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperolehi. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

##### **2.4.1.1. Pemilihan Perunding Reka Bentuk Jalan Tidak Melibatkan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP)**

- a. Perenggan 4.1.1, MPPP Edisi 2011 menetapkan, bagi mendapatkan perkhidmatan perunding untuk melaksana sesuatu projek Kerajaan, Agensi Pelaksana hendaklah terlebih dahulu menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) secara rasmi. Antara tugas JPP adalah untuk meluluskan terma rujukan dan perincian anggaran kos perkhidmatan perunding. Semakan Audit mendapati pelantikan JPP pada 3 Oktober 2011 hanya melibatkan pelantikan perunding Juruukur Tanah yang diuruskan oleh Bahagian Korporat. Bagaimanapun bagi pelantikan perunding reka bentuk di Bahagian Jalan, pelantikan hanya melibatkan Ketua Penolong Pengarah (Jalan) dan Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perak. Tiada bukti JPP terlibat dengan pelantikan perunding reka bentuk di Bahagian Jalan.
- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, bagi semua projek Negeri, pelantikan perunding masih dibuat secara manual. Semua pemilihan dan kelulusan pelantikan perunding adalah di bawah Pejabat YB. Pegawai Kewangan Negeri Perak. Penambahbaikan ke atas proses lantikan perunding telah mula dilaksanakan dengan melibatkan ahli-ahli yang dilantik mulai Mei 2014.**
- c. **Mengikut maklum balas bertarikh 9 Oktober 2014, selaras dengan teguran audit, pelantikan juru perunding juruukur tanah bagi projek peruntukan Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 adalah melalui JPP yang telah diwujudkan sebelum ini.**



#### 2.4.1.2. Pengiraan Yuran Perunding Juruukur Tanpa Justifikasi

- a. Perenggan 9.2.2, MPPP Edisi 2011 menyatakan bahawa penyediaan yuran perunding bagi projek Kerajaan adalah ditetapkan secara kaedah Skala Yuran Piawai bagi projek-projek pembangunan fizikal untuk bidang yang mempunyai skala yuran yang diiktiraf oleh Kerajaan. Bagi bidang perunding Ukur Tanah jadual kadar yuran adalah merujuk kepada Jadual Fi Ukur Kejuruteraan 2001 dan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 1997 (Kadar Bayaran Upah Ukur Untuk Ukuran Hakmilik-mulai 1 April 2005). Pihak Audit tidak dapat mengesahkan justifikasi pengiraan yuran juruukur yang dilantik oleh JKR bagi memastikan bayaran yang dibayar adalah munasabah dan berpatutan. Ini kerana tiada dokumen sokongan seperti jadual bayaran disertakan dengan baucar bayaran untuk semakan. Bayaran dibuat berdasarkan amaun tuntutan invois dan tiada bukti amaun yuran tersebut disemak oleh pihak JKR. Semakan terhadap 7 daripada 35 sampel Audit juruukur tanah mendapati tiada justifikasi bagi tuntutan bayaran juruukur dikemukakan. Butiran adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Tuntutan Bayaran Juruukur Yang Tidak Dapat Disahkan**

Bil.	Nama Projek	Nama Perunding	Kos Yuran Perunding (RM)
1.	Menaik taraf Jalan Teluk Muroh A186 ke Jln Masuk TLDM Lumut Daerah Manjung.	Juruukur Resources Sdn. Bhd.	111,364
2.	Kerja-Kerja Landskap Baru Untuk Istana Iskandariah Kuala Kangsar.	Ilham Ukur Consultant	23,549
3.	Bangunan Zon Pemprosesan Bertaraf GMP Untuk Jabatan Pertanian Daerah Kinta.	Enviro Land Services	15,773
4.	Pembangunan Institut Latihan Pegawai Awam (ILPA) Negeri Perak di Kawasan Pembangunan Meru Raya.	Juruukur Sulaiman	13,404
5.	Membina dan Menyiapkan Mahkamah Rendah Syariah Taiping.	Juruukur Budiman	6,416
6.	Membina dan Menyiapkan Pejabat Agama Seri Iskandar Daerah Perak Tengah.	Juruukur Sulaiman	6,156
7.	Membina dan Menyiapkan Pejabat Daerah Dan Tanah Lenggong.	Juruukur Putra	4,884
<b>Jumlah</b>			<b>181,546</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perak

- b. **Mengikut maklumbalas bertarikh 9 Oktober 2014, Jabatan Kerja Raya sentiasa memastikan dokumen tuntutan adalah berdasarkan skop kerja dan kuantiti kerja yang siap dilaksanakan oleh juruukur. Selaras daripada teguran audit, pihak jabatan telah pun menyediakan senarai semak bagi penambahbaikan terhadap sistem sedia ada. Senarai semak ini akan digunakan bagi memastikan bayaran dibuat adalah munasabah dan berpatutan berdasarkan Jadual Fi ukur**

tanah. Senarai semak ini juga telah diedarkan kepada pihak JKR Daerah untuk dipatuhi.

Pada pendapat Audit, Pengurusan Pelantikan Perunding kurang memuaskan kerana Jawatankuasa Penilai Perunding (JPP) tidak dilantik secara menyeluruh dan justifikasi bayaran juruukur tanah tidak disediakan.

#### 2.4.2. Kelemahan Pentadbiran Kontrak

Perenggan 18.4.1, Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia menetapkan agensi hendaklah mengambil perhatian yang serius berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak. Oleh itu, adalah penting untuk agensi mengetahui dan memahami kandungan perjanjian bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Semakan Audit terhadap 8 daripada 35 projek melibatkan perunding juruukur tanah mendapati perkara seperti berikut:

##### 2.4.2.1. Tiada Perjanjian Bagi Perunding Juruukur Tanah

- a. Arahan Perbendaharaan 188 telah menetapkan bahawa apabila perkhidmatan perunding diluluskan, satu perjanjian hendaklah ditandatangani antara pihak JKR dengan perunding yang telah dilantik. Dalam perjanjian tersebut, perkara berkaitan skop kerja perunding, kos perkhidmatan, syarat pembayaran dan butiran berkaitan hendaklah dinyatakan dengan jelas. Semakan Audit mendapati 7 daripada 8 perunding juruukur tanah tidak mempunyai perjanjian (*Memorandum Of Agreement* (MOA)). Manakala bagi satu projek iaitu membina jalan alternatif Projek Vale, terma rujukan telah disediakan oleh pihak JKR. Selain itu, adalah didapati tiada terma-terma rujukan yang jelas dinyatakan di dalam surat pelantikan juruukur tanah bagi membolehkan JKR mengambil sebarang tindakan sekiranya berlaku percanggahan atau pelanggaran syarat-syarat kontrak. Ini bertujuan untuk menjaga kepentingan Kerajaan. Senarai juruukur yang dilantik bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh JKR yang melibatkan kerja-kerja ukur tanah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Maklumat Projek-Projek Yang Dilaksanakan Perunding**

Bil.	Nama Projek	Nama Perunding
1.	Menaik taraf Jalan Teluk Muroh A186 ke Jln Masuk TLDM Lumut Daerah Manjung	Juruukur Resources Sdn. Bhd.
2.	Kerja-Kerja Landskap Baru Untuk Istana Iskandariah Kuala Kangsar	Ilham Ukur Consultant
3.	Bangunan Zon Pemprosesan Bertaraf GMP Untuk Jabatan Pertanian Daerah Kinta	Enviro Land Services
4.	Pembangunan Institut Latihan Pegawai Awam (ILPA) Negeri Perak di Kawasan Pembangunan Meru Raya	Juruukur Sulaiman

Bil.	Nama Projek	Nama Perunding
5.	Membina dan Menyiapkan Mahkamah Rendah Syariah Taiping	Juruukur Budiman
6.	Membina dan Menyiapkan Pejabat Agama Seri Iskandar Daerah Perak Tengah	Juruukur Sulaiman
7.	Membina dan Menyiapkan Pejabat Daerah Dan Tanah Lenggong	Juruukur Putra

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perak

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, JKR memahami peraturan untuk menyediakan perjanjian bagi semua pelantikan perkhidmatan perunding yang telah dibuat. Tindakan telah diambil untuk menyediakan MOA bagi semua pelantikan perkhidmatan perunding bagi projek-projek Negeri mulai tahun 2014.**
- c. **Mengikut maklum balas bertarikh 9 Oktober 2014, selaras dengan daripada teguran audit, pihak JKR telah pun mengguna pakai Perjanjian Piawai Perkhidmatan Perunding Juruukur Tanah mulai Mei 2014.**

#### 2.4.2.2. Tiada Perjanjian Tambahan Bagi Kerja-Kerja Luar Skop

- a. Sepakateguh Engineers Sdn. Bhd. melalui perjanjian perunding yang ditandatangani pada 12 Julai 2007 sepatutnya membuat reka bentuk membina jalan baru bagi jajaran asal melalui jalan perkampungan Felda Sungai Kelah ke Kolam Air Panas (*Hot Spring*). Bagaimanapun, pada 2 Oktober 2007, pihak perunding telah mencadangkan reka bentuk tambahan kepada JKR untuk membina jajaran baru sebagai jalan alternatif ke Kolam Air Panas bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas di jalan asal semasa pembinaan. Surat persetujuan oleh JKR kepada perunding untuk mereka bentuk jalan alternatif telah dikeluarkan pada 6 November 2007. Cadangan reka bentuk jalan alternatif telah dilaksanakan dan dikemukakan kepada JKR pada Disember 2010. Anggaran baru kos projek bagi pembinaan jalan alternatif yang dibuat pada tahun 2010 adalah berjumlah RM21.5 juta berbanding anggaran kos pembinaan jalan asal sejumlah RM11.5 juta.
- b. Lawatan Audit pada 22 April 2014 mendapati kerja ukur bagi jalan alternatif telah dibuat oleh perunding juruukur tanah yang dilantik pada tahun 2010 dengan kos sejumlah RM0.05 juta telah dibayar oleh JKR pada 14 Disember 2010. Bagaimanapun, tiada perjanjian tambahan yang lengkap dibuat merangkumi skop kerja tambahan dan pengiraan yuran perunding berdasarkan kos baru projek jalan alternatif. Walaupun surat persetujuan yang dikeluarkan oleh JKR boleh mengikat kedua-dua pihak, namun pada pendapat Audit perjanjian tambahan yang lengkap perlu ditandatangani bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Permulaan jalan masuk ke jalan alternatif yang dicadangkan dan direka bentuk oleh perunding seperti di **Gambar 2.1**.



**Gambar 2.1**  
**Permulaan Jalan Alternatif Yang Direka bentuk Oleh Perunding**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungkai  
Tarikh: 22 April 2014

- c. **Mengikut maklum balas bertarikh 9 Oktober 2014, Jabatan bersetuju dengan pendapat audit bahawa perjanjian tambahan yang lengkap perlu disediakan sekiranya terdapat sebarang perubahan skop perkhidmatan serta kerja-kerja tambahan luar skop. JKR telah mengambil tindakan untuk memastikan perjanjian ini di adakan.**

**Pada pendapat Audit, perjanjian tambahan yang lengkap perlu disediakan sekiranya terdapat sebarang perubahan skop perkhidmatan serta kerja-kerja tambahan atau luar skop. Ini bagi menjaga kepentingan pihak-pihak yang terlibat dan mengelakkan sebarang pertikaian atau pelanggaran syarat kontrak.**

#### **2.4.3. Projek Dilaksanakan Tanpa Mengguna Pakai Reka Bentuk Perunding Yang Dilantik**

##### **2.4.3.1. Projek Menggantikan Jambatan Sungai Choh Jalan Tambun/Tanjung Rambutan Laluan A13 Daerah Kinta**

- a. Jurujati Konsultant Sdn. Bhd. dilantik sebagai perunding reka bentuk bagi projek menggantikan jambatan Sungai Choh Jalan Tambun/Tanjung Rambutan Laluan A13 Daerah Kinta pada 12 Disember 2011 dengan kos perunding yang telah dibayar sejumlah RM0.11 juta. Kerja-kerja perunding telah selesai dilaksanakan pada Mei 2012 dan projek dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik bagi tempoh 24 Disember 2012 hingga 11 Mei 2014. Lawatan Audit pada 22 April 2014 mendapati projek yang masih dalam pelaksanaan telah dibina tanpa menggunakan reka bentuk Jurujati Konsultant Sdn. Bhd. sebaliknya menggunakan reka bentuk lain oleh perunding yang dilantik kontraktor. Jabatan Kerja Raya telah meluluskan reka bentuk tersebut dengan menetapkan syarat penukaran reka bentuk perlu mengekalkan konsep *integral bridge*, penjimatan kos dan tiada lanjutan masa. Bagaimanapun, sehingga 21 Mei 2014, kemajuan kerja bagi projek yang sepatut siap pada 19 Mei 2014 adalah 22.7% dan tiada kelulusan lanjutan masa oleh JKR. Projek tersebut seperti di **Gambar 2.2** dan **Gambar 2.3**.

**Gambar 2.2**  
**Jambatan Sungai Choh**  
**Di Bina Tanpa Menggunakan pakai**  
**Reka Bentuk Perunding**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Tambun, Tanjung Rambutan  
Tarikh: 22 April 2014

**Gambar 2.3**  
**Jambatan Sungai Choh**  
**Menggunakan pakai Reka Bentuk**  
**Perunding Yang Dilantik Kontraktor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Tambun, Tanjung Rambutan  
Tarikh: 22 April 2014

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, susulan daripada reka bentuk baru struktur tersebut terdapat penjimatan sejumlah RM99,876 bagi kos projek terbabit. Pada peringkat awal, projek ini dijangka boleh disiapkan pada 11 Mei 2014 namun telah tergendala disebabkan masalah geoteknik di abutment jambatan berpunca daripada kegagalan ujian beban dan keputusan penyelidikan tanah dalam kontrak yang tidak konsisten. Alasan tersebut telah melayakkan Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa (PKLM) No. 1 dipertimbangkan oleh Jawatankuasa PKLM. Sementara itu, pihak pegawai penguasa telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap (PKTS) mulai 12 Mei 2014.**

#### **2.4.3.2. Projek Menaik taraf Jalan Dan Jambatan Sungai Nerok, Kota Tampan Air (Muara) Dan Kampung Banggol Belimbing, Jalan Lenggong**

- a. Pihak JKR telah melantik Jurutera Perunding Warisan melalui surat lantikan bertarikh 18 Ogos 2010 untuk menjalankan perkhidmatan reka bentuk jalan dan jambatan di Sungai Nerok, Kota Tampan Air (Muara) dan Kampung Banggol Belimbing, Jalan Lenggong/Gerik, Hulu Perak. Pengiraan kos perunding berjumlah RM0.37 juta mengikut Skala Fi (*Scales Of Fees- Stages of payment of Fees to be paid up to 80% - tender stage*) adalah berdasarkan kos projek bernilai RM9.5 juta bagi kerja naik taraf jalan dan jambatan di Sungai Nerok, Kota Tampan Air dan di Kampung Banggol Belimbing. Semakan Audit mendapati sejumlah RM0.37 juta telah dibayar kepada perunding sehingga 7 Januari 2013 kerana telah menyiapkan kerja reka bentuk bagi kedua-dua projek tersebut. Lawatan Audit pada 23 April 2014 mendapati hanya kerja-kerja naik taraf jalan dan jambatan di Sungai Nerok, Kota Tampan Air dilaksanakan dengan menggunakan lukisan reka bentuk Perunding Warisan seperti di **Gambar 2.4**. Manakala projek naik taraf jalan dan jambatan di Kampung Banggol Belimbing seperti di **Gambar 2.5** tidak menggunakan reka bentuk Jurutera Perunding Warisan.

Semakan Audit mendapati berdasarkan surat bertarikh 13 Jun 2013, Pengarah Cawangan Jalan, JKR Malaysia akan mengambil alih projek naik taraf jalan dan jambatan di Kampung Banggol Belimbing dengan menggunakan reka bentuk perunding yang dilantik oleh Pengarah Cawangan Jalan, JKR Malaysia. Akibatnya lukisan reka bentuk yang telah disiapkan oleh Jurutera Perunding Warisan tidak digunakan dan berlakunya pembaziran.

**Gambar 2.4**  
**Jambatan Di Sungai Nerok, Kota**  
**Tampan Air (Muara) Yang**  
**Mengguna pakai Reka Bentuk**  
**Jurutera Perunding Warisan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jambatan Sungai Nerok, Lenggong  
Tarikh: 23 April 2014

**Gambar 2.5**  
**Jambatan Di Kampung Banggol**  
**Belimbing Yang Tidak Mengguna**  
**pakai Reka Bentuk Jurutera**  
**Perunding Warisan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Banggol Belimbing, Lenggong  
Tarikh: 23 April 2014

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 9 Oktober 2014, Projek ini dibiayai melalui sumber kewangan Kerajaan Persekutuan. Namun bagi mengelakkan pembaziran, pihak JKR Perak telah mengenal pasti untuk menggunakan reka bentuk tersebut kepada projek Cadangan Membina Jalan Pintas Dari Bagan Tiang.**

#### **2.4.3.3. Projek Memperelok Jalan Batu Kurau/Redang Panjang/Kubu Gajah, Larut Matang Dan Selama, Taiping**

- a. Zath Perunding Sdn. Bhd. dilantik sejak 25 Januari 2006 sebagai perunding bagi mereka bentuk jalan Batu Kurau/Redang Panjang/Kubu Gajah sepanjang 36 km. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2013 reka bentuk terperinci hanya siap bagi jalan sepanjang 3.7 km daripada 18 km. Bayaran sejumlah RM0.34 juta adalah bagi reka bentuk cadangan awal keseluruhan meliputi 18 km dan reka bentuk terperinci sepanjang 3.7 km. Tiada bukti bertulis daripada pihak JKR bahawa reka bentuk oleh perunding hanya perlu dibuat bagi 18 km bukan 36 km seperti yang dicatatkan di dalam perjanjian. Lawatan Audit pada 23 April 2014 mendapati hanya kerja-kerja membarumuka jalan sepanjang 1.7 km yang siap pada 3 Disember 2013 oleh sebuah syarikat konsesi penyenggaraan dan membaik pulih jalan raya di Negeri Perak. Bayaran kepada syarikat berkenaan telah menggunakan Kumpulan Wang Amanah

Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) berjumlah RM1.1 juta sepatutnya menggunakan peruntukan memperelok, melebar dan menaik taraf jalan sedia ada. Tiada bukti kerja penyelenggaraan dan membaik pulih dilaksanakan bagi jalan sepanjang 1.7 km menggunakan reka bentuk perunding seperti di **Gambar 2.6**.



**Gambar 2.6**  
**Kerja Membarumuka Jalan**  
**Yang Siap Sepanjang 1.7km**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Ulu Sepetang, Taiping  
Tarikh: 23 April 2014

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, pelaksanaan sesuatu projek bergantung kepada peruntukan tahun semasa. Bagaimanapun, JKR juga sentiasa prihatin serta peka terhadap keperluan pengguna jalan raya yang melibatkan jalan Batu Kurau/Redang Panjang. Kerja membarumuka jalan sepanjang 1.7 km telah siap dilaksanakan pada 3 Disember 2013 oleh sebuah syarikat konsesi penyelenggaraan dan membaik pulih jalan raya di Perak.**

#### 2.4.3.4. Projek Memperelok Jalan Larut Matang - Selama

- a. Jabatan Kerja Raya telah melantik Prima Reka Konsultan pada 20 Disember 2000 sebagai perunding reka bentuk jalan dan jambatan bagi projek memperelok jalan Taiping - Selama sepanjang 32 km dengan bayaran yuran perunding sejumlah RM1.78 juta bagi anggaran kos projek sejumlah RM58.13 juta. Projek ini dibahagikan kepada 4 fasa seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Fasa Projek Memperelok Jalan Taiping - Selama**

Bil.	Fasa	Panjang Jalan (km)	Maklumat Pembinaan	Status Projek
1.	Fasa 1	7.7	Selama ke Kubu Gajah.	Siap 2006
2.	Fasa 2A	4	Kubu Gajah ke Penempatan Rancangan Belia Pondok Tanjung termasuk Jambatan Sungai Dendang dan Jambatan Sungai Ijok.	Dalam Pelaksanaan
3.	Fasa 2B	4	Kubu Gajah ke Penempatan Rancangan Belia Pondok Tanjung.	Belum Mula
4.	Fasa 3	7.5	Penempatan Rancangan Belia Pondok Tanjung ke Pekan Pondok Tanjung.	Siap 2006
5.	Fasa 4A	0.53	Membina Jambatan Sungai Rantin.	Dalam Pelaksanaan
6.	Fasa 4	8.2	Pekan Pondok Tanjung ke Ulu Sepetang.	Belum Mula

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perak

- b. Semakan Audit mendapati pada 15 April 2014, satu permohonan kelulusan secara prinsip perubahan kerja terhadap pembinaan Jambatan Sungai Ijok di bawah Fasa 2A yang perlu dipanjangkan daripada 33.80 meter kepada 49.50 meter telah dibuat. Keadaan tebing sungai yang telah terhakis dan semakin melebar memerlukan perubahan terhadap reka bentuk asal perunding. Pihak Audit difahamkan reka bentuk asal perunding tidak lagi relevan memandangkan reka bentuk tersebut telah siap sejak tahun 2003. Sehingga tarikh akhir pengauditan pada 8 Mei 2014, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kontraktor masih mengguna pakai reka bentuk perunding yang dilantik oleh JKR.
- c. **Mengikut maklum balas bertarikh 9 Oktober 2014, bagi mengelakkan pembaziran, JKR Perak telah mencadangkan untuk menggunakan reka bentuk jambatan asal ini di projek Menggantikan Jambatan Sempit Berdekatan Kilang Papan di Karai. Bagi reka bentuk jambatan yang tidak digunakan disebabkan pertukaran perunding atau berlakunya perubahan di tapak, JKR Perak telah mengenal pasti projek-projek yang boleh menggunakan reka bentuk jambatan tersebut termasuk Rancangan Malaysia Ke-11 (projek persekutuan).**
- d. Semakan terhadap sampel Audit turut mendapati sejumlah RM2.59 juta seperti di **Jadual 2.5** telah dibayar kepada perunding bagi kerja-kerja reka bentuk yang telah disiapkan tetapi tidak diguna pakai. Sehingga bulan Mei 2014, tiada bukti reka bentuk yang tidak diguna pakai telah digunakan untuk projek-projek jambatan lain yang mempunyai rentang yang sama.

**Jadual 2.5**  
**Bayaran Perunding Bagi Reka Bentuk Yang Tidak Digunakan**

Bil.	Nama Projek	Jumlah Bayaran Perunding Sehingga 30.4.2014 (RM Juta)	Catatan
1.	Menggantikan Jambatan Sungai Choh Jalan Tambun/Tanjung Rambutan Laluan A13 Daerah Kinta.	0.11	Keseluruhan reka bentuk tidak diguna pakai.
2.	Menaik taraf Jalan Dan Jambatan Sg.Nerok, Kota Tampan Air (Muara) Dan Kampung Banggol Belimbing, Jalan Lenggong.	0.36	Hanya jalan dan jambatan Sungai Nerok, Kota Tampan Air (Muara) mengguna pakai reka bentuk perunding.
3.	Memperelok Jalan Batu Kurau/ Redang Panjang/Kubu Gajah, Larut Matang & Selama, Taiping.	0.34	Tiada bukti kerja-kerja membarumuka jalan sepanjang 1.7km mengguna pakai reka bentuk perunding.
4.	Memperelok Jalan Larut Matang-Selama..	1.78	4 fasa projek hanya reka bentuk jambatan Sungai Ijok di bawah Fasa 2A tidak mengguna pakai reka bentuk perunding kerana perubahan struktur sungai.
<b>Jumlah</b>		<b>2.59</b>	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perak



Pada pendapat Audit, JKR hendaklah membuat perancangan yang teliti pada peringkat awal terhadap projek-projek yang perlu menggunakan pakai perkhidmatan perunding untuk memastikan reka bentuk yang telah disediakan digunakan pakai bagi mengelakkan pembaziran.

#### 2.4.4. Projek Tertangguh Walaupun Kerja-Kerja Perunding Telah Dilaksanakan

Terma rujukan yang terperinci dan lengkap adalah penting untuk memastikan perunding dapat memenuhi keperluan projek yang ingin dilaksanakan supaya projek dilaksanakan dengan berkesan. Penetapan tempoh perkhidmatan perunding adalah berdasarkan jadual pelaksanaan projek pembangunan fizikal yang disediakan dan tertakluk kepada skop dan bidang perkhidmatan yang berkaitan. Semakan Audit terhadap 8 daripada 22 projek yang melibatkan perunding mendapati perkara seperti berikut:

##### 2.4.4.1. Projek Menggantikan Jambatan Kampung Paloh, Daerah Kinta

- a. Jurutera Perunding Warisan Sdn. Bhd. dilantik pada 20 Mei 2011 sebagai perunding reka bentuk bagi projek menggantikan Jambatan Kampung Paloh yang dibina sejak tahun 1950an dengan pengiraan kos perunding sejumlah RM0.52 juta berdasarkan anggaran kos projek sejumlah RM15 juta. Sehingga 30 April 2014, jumlah bayaran kepada perunding berjumlah RM0.47 juta telah dibuat. Berdasarkan perjanjian, perunding sepatutnya menyiapkan lukisan reka bentuk pada 24 Mei 2012. Reka bentuk terperinci telah diserahkan kepada pihak JKR pada 15 Disember 2011. Bagaimanapun, masih terdapat lukisan cadangan yang disemak semula dikemukakan kepada JKR pada Februari 2014. Lawatan Audit pada 22 April 2014 turut mendapati kerosakan jambatan sepanjang 120 meter yang dibina sejak tahun 1950an semakin kritikal seperti di **Gambar 2.7** hingga **Gambar 2.9**. Sehingga Mei 2014, pihak Audit dimaklumkan masih tiada projek pembinaan dilaksanakan bagi menggantikan jambatan baru.

**Gambar 2.7**  
**Beam Jambatan Yang Telah Terhakis**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jambatan Kampung Paloh, Ipoh  
Tarikh: 22 April 2014

**Gambar 2.8**  
**Permukaan Jalan Yang Telah Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jambatan Kampung Paloh, Ipoh  
Tarikh: 22 April 2014



**Gambar 2.9**  
**Railing Jambatan Yang Rosak**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jambatan Kampung Paloh, Ipoh  
Tarikh: 22 April 2014

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 9 Oktober 2014, JKR telah menyemak reka bentuk bagi projek ini dan JKR telah bersedia untuk melaksanakan projek ini. Peruntukan bagi pelaksanaan projek akan dikongsi bersama Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandangkan jambatan tersebut adalah di bawah penyenggaraan pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Tender bagi Projek Pembinaan Jambatan Kampung Paloh ini dijangka akan dikeluarkan pada tahun 2015. JKR telah memajukan permohonan kepada MBI bagi memohon peruntukan untuk dikongsi bersama.**

#### **2.4.4.2. Projek Membina Jalan Baru Dari Perkampungan Felda Ke Kolam Air Panas (Hot Spring), Sungkai**

- a. Sepakateguh Engineers Sdn. Bhd. telah dilantik pada 8 Jun 2007 sebagai perunding reka bentuk bagi projek membina jalan baru dari perkampungan Felda Sungai Kelah ke Kolam Air Panas (Hot Spring), Sungkai. Mengikut perjanjian di antara JKR dan Sepakateguh Engineers Sdn. Bhd. kerja-kerja perunding hendaklah disiapkan dalam tempoh 8 bulan bermula 8 Jun 2007 sehingga 29 Februari 2008. Pengiraan yuran perunding berjumlah RM0.41 juta mengikut Skala Fi (*Scales Of Fees- Stages of payment of Fees to be paid up to 75% - design stage*) adalah berdasarkan anggaran kos projek pada tahun 2007 berjumlah RM11.5 juta. Sehingga tarikh akhir pengauditan, hanya lukisan reka bentuk Stage dikemukakan oleh pihak perunding kepada JKR dan tiada reka bentuk akhir dikemukakan. Lawatan Audit pada 22 April 2014 mendapati perunding telah melaksanakan kerja reka bentuk sehingga *Design Stage II* atau 68% dan telah menerima bayaran sehingga 4 Januari 2011 berjumlah RM0.37 juta. Bagaimanapun sehingga Mei 2014, pihak Audit dimaklumkan bahawa masih tiada projek pembinaan jalan baru dilaksanakan seperti di **Gambar 2.10** dan **Gambar 2.11**.

**Gambar 2.10**  
**Projek Pembinaan Jalan Baru**  
**Di Perkampungan Felda**  
**Yang Belum Dilaksanakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungkai  
Tarikh: 22 April 2014

**Gambar 2.11**  
**Projek Pembinaan Jalan Baru**  
**Di Perkampungan Felda**  
**Yang Belum Dilaksanakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungkai  
Tarikh: 22 April 2014

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 9 Oktober 2014, pelaksanaan jalan ini masih dalam peringkat reka bentuk. Dari segi pelaksanaan projek, perancangannya dibuat berdasarkan peruntukan Kerajaan Negeri. Memandangkan peruntukan yang terhad maka projek ini hanya akan disiapkan sehingga penyediaan dokumen tender sahaja dalam RMKe-10. Pada September 2014, pihak JKR telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya memohon sejumlah peruntukan daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk pembinaan projek ini.**

#### **2.4.4.3. Projek Memperelok Jalan Batu Kurau/Redang Panjang/Kubu Gajah Daerah Larut Matang Dan Selama**

- a. Perenggan 34, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2011 menetapkan bahawa perunding yang dilantik dikehendaki menyempurnakan obligasi yang ditetapkan di dalam perjanjian serta mematuhi peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa. Perkara ini hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam perjanjian dengan perunding. Zath Perunding Sdn. Bhd. telah dilantik pada 25 Januari 2006 sebagai perunding reka bentuk bagi projek memperelok jalan Batu Kurau/Redang Panjang/Kubu Gajah sepanjang 36 km. Berdasarkan perjanjian antara JKR dengan Zath Perunding Sdn. Bhd. kerja-kerja perunding hendaklah disiapkan dalam tempoh 10 bulan dan sepatutnya siap pada 7 November 2006. Pengiraan yuran perunding berjumlah RM0.85 juta mengikut Skala Fi adalah berdasarkan anggaran kos projek pada tahun 2006 berjumlah RM26.77 juta. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati reka bentuk cadangan terkini kepada JKR yang disiapkan pada tahun 2010 adalah bagi jalan Batu Kurau/Redang Panjang sepanjang 18 km dengan tuntutan bayaran sejumlah RM0.24 juta. Semakan Audit turut mendapati pada 26 April 2013, perunding telah menuntut bayaran berjumlah RM0.10 juta bagi lukisan terperinci pembinaan jalan sepanjang 3.7 km. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 23 April 2014 mendapati kerja membarumuka jalan sahaja yang telah dilaksanakan pada 3 Disember 2013

yang melibatkan jalan sepanjang 1.7 km daripada 3.7 km. Sehingga Mei 2014, pihak Audit dimaklumkan baki pembinaan jalan sepanjang 16.3 km belum dilaksanakan.

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 9 Oktober 2014, memandangkan peruntukan yang terhad, projek jalan ini belum dapat dilaksanakan kecuali 1.7 km daripada 3.7 km telah diperelok disebabkan permintaan penduduk setempat sempena Pilihan Raya Umum. Pada tahun 2010, pihak perunding telah mengemukakan lukisan cadangan jajaran jalan terakhir bagi 18 km. Kerja-kerja menaik taraf 16.3 km ini telah dimasukkan di dalam perancangan untuk dilaksanakan pada tahun 2015.**

#### **2.4.4.4. Projek Menaik Taraf Jalan Kota Bharu Laluan A110 Daerah Kinta**

- a. PS Konsultan Sdn. Bhd. telah dilantik pada 12 Disember 2011 sebagai perunding reka bentuk bagi projek menaik taraf Jalan Kota Bharu (A 110) Daerah Kinta. Mengikut perjanjian, kerja-kerja reka bentuk oleh perunding hendaklah disiapkan dalam tempoh 9 bulan bermula 12 Disember 2011 sehingga 12 September 2012. Pengiraan yuran perunding berjumlah RM0.60 juta mengikut Skala Fi adalah berdasarkan anggaran kos projek pada tahun 2011 berjumlah RM17.5 juta. Semakan Audit mendapati sehingga 20 Disember 2013, yuran perunding yang telah dibayar berjumlah RM0.45 juta. Bagaimanapun, tiada bukti lukisan terperinci dikemukakan kepada JKR sehingga 30 April 2014 walaupun telah berlaku kelewatan 20 bulan dari tempoh sepatut siap. Lawatan Audit pada 22 April 2014 mendapati masih tiada sebarang projek pembinaan jalan baru dilaksanakan.
- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, sehingga 30 April 2014, reka bentuk hanya siap 56.5% dan lukisan terperinci belum disiapkan lagi. Dari segi kelewatan menyiapkan reka bentuk, ia tidak dapat dielakkan memandangkan peruntukan yang terhad untuk membuat pembayaran yuran reka bentuk. Bagaimanapun, pihak JKR akan menyediakan perjanjian tambahan untuk melanjutkan tempoh menyiapkan reka bentuk projek tersebut. Projek ini masih dalam peringkat reka bentuk dan tender projek ini akan dibahagikan kepada 2 fasa. Fasa 1 telah dirancang pada akhir tahun 2014 tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan melalui bajet 2015.**
- c. **Mengikut maklum balas bertarikh 9 Oktober 2014, projek ini sedang dalam pelaksanaan reka bentuk dan akan dilaksanakan secara 2 fasa. Reka bentuk Fasa 1 telah hampir disiapkan dan akan dilaksanakan pada tahun 2015.**

#### 2.4.4.5. Kerja-Kerja Juruukur Bagi Projek-projek Tertangguh

- a. Mengikut surat lantikan perunding Juruukur yang dikeluarkan oleh JKR menunjukkan tempoh kerja sepatutnya siap oleh Juruukur adalah 2 minggu. Semakan Audit mendapati tiada tindakan diambil oleh JKR terhadap perunding juruukur yang menyiapkan kerja-kerja ukur melebihi tempoh yang ditetapkan.
- b. Selain itu, pihak Audit mendapati penangguhan pelaksanaan projek menyebabkan berlaku perubahan data, data tidak boleh digunakan dan kerja-kerja ukur perlu dilaksanakan melebihi sekali. Terdapat juga kerja-kerja ukur yang telah dilaksanakan dan dibayar tetapi projek ditangguhkan atas permintaan pelanggan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**  
**Kerja-Kerja Juruukur Bagi Projek-Projek Tertangguh**

Bil.	Nama Projek	Nama Perunding Juruukur	Tarikh Surat Lantikan	Kos Yuran Perunding (RM)	Catatan
1.	Menaik taraf Jalan Teluk Muroh (A186) ke Jalan Masuk TLDM Lumut	1) Juruukur Berjaya 2) Juruukur Sulaiman 3) Juruukur Resources Sdn. Bhd.	15.11.2002 20.4.2007  2.7.2013 Jumlah	29,740 16,260  <u>111,364</u> 157,364	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penangguhan projek terlalu lama menyebabkan perubahan data juruukur.</li> </ul>
2.	Memperelok Jalan Batu Kurau/Redang Panjang/Kubu Gajah	Juruukur Geotech	8.12.2000  Jumlah	58,983 <u>52,261</u> 111,244	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekod bayaran akhir adalah pada 30.10.2007.</li> <li>• Terdapat arahan kerja ukur tambahan oleh JKR pada 9.10.2008 dan kerja telah siap pada 23.3.2010.</li> <li>• Tiada bukti bayaran dibuat bagi kerja ukur tambahan berkenaan.</li> </ul>
3.	Pembangunan Institut Latihan Pegawai Awam (ILPA) Negeri Perak di Kawasan Pembangunan Meru Raya	1) Juruukur Roslan 2) Juruukur Sulaiman	4.1.2008 18.12.2012 Jumlah	3,727 <u>13,404</u> 17,131	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan asal tahun 2008 kerja ukur dilaksanakan untuk bangunan tambahan ILPA Jalan Raja Dihilir.</li> <li>• Tahun 2012 kerja ukur kedua dilaksanakan untuk pembinaan ILPA baru di Meru Raya kerana cadangan asal dibatalkan oleh Kerajaan Negeri. Sehingga 30.4.2014 bayaran Juruukur masih belum dibuat.</li> </ul>
4.	Bangunan Zon Pemprosesan Bertaraf GMP	Enviro Land Services	27.8.2012	15,773	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sehingga 4.2.2014 Keputusan oleh Jabatan Pertanian Negeri</li> </ul>

Bil.	Nama Projek	Nama Perunding Juruukur	Tarikh Surat Lantikan	Kos Yuran Perunding (RM)	Catatan
	Untuk Jabatan Pertanian Daerah Kinta				memaklumkan kepada JKR bahawa projek dibatalkan.
<b>Jumlah</b>				<b>301,512</b>	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perak

- c. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, rekod data kerja ukur yang lama tidak boleh digunakan berikutan terdapat perubahan fizikal jalan (pelebaran jalan oleh pemaju) dan memerlukan kerja ukur semula dilaksanakan.**

Pada pendapat Audit, pihak JKR perlu memastikan peruntukan yang diterima digunakan untuk melaksanakan projek-projek mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Ini bertujuan mengelakkan projek tertangguh dan kerja-kerja reka bentuk serta ukur tanah yang telah dibuat oleh perunding masih relevan dan sesuai untuk digunakan.

## 2.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan perkhidmatan perunding dengan lebih berkesan, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak disyorkan mengambil tindakan berikut:

- 2.5.1.** Memastikan terma-terma perjanjian sentiasa mengikut pindaan semasa sekiranya terdapat perubahan skop kerja demi menjamin kepentingan Kerajaan.
- 2.5.2.** Membuat perancangan yang teliti supaya projek dapat dibina menggunakan reka bentuk perunding yang telah dilantik.
- 2.5.3.** Memantau pengurusan perkhidmatan perunding dengan lebih berkesan bagi mendapat *value for money* untuk setiap perkhidmatan yang diperolehi.

# JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK

## **3. PENGURUSAN PENGELUARAN SIJIL HALAL MALAYSIA**

### **3.1. LATAR BELAKANG**

**3.1.1.** Sijil Pengesahan Halal Malaysia (Sijil Halal) merupakan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengesahkan status halal sesuatu makanan, minuman, premis, barangan, aktiviti atau perkhidmatan. Di Negeri Perak, proses permohonan Sijil Halal diuruskan oleh Unit Pengurusan Halal di Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk). Fungsi Unit ini antaranya ialah memproses permohonan serta membuat pemeriksaan di premis makanan, hotel, kilang memproses makanan dan rumah sembelihan untuk memastikan bahan yang diguna serta pemprosesan adalah menepati hukum syarak dan syarat pensijilan yang ditetapkan.

**3.1.2.** Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bilangan 1 Tahun 2011 menetapkan hanya JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri yang boleh mengeluarkan Sijil Halal. Jabatan Agama Islam Negeri Perak mengguna pakai Piagam Pelanggan Pensijilan Halal Malaysia JAKIM dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua) sebagai panduan pengurusan Sijil Halal. Mulai bulan Ogos 2012, pengurusan permohonan Sijil Halal di Negeri Perak telah dilaksanakan melalui Sistem e-Halal. Bagi tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 2,234 permohonan Sijil Halal telah diterima dan sebanyak 2,233 telah diluluskan.

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan pensijilan halal Malaysia dilaksana dan dipantau sewajarnya supaya pemprosesan makanan/bahan gunaan produk dan premis yang dipersijilkan diurus mengikut perundangan dan peraturan yang ditetapkan.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi aktiviti pengurusan pengeluaran Sijil Halal bagi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan terhadap rekod dan dokumen di Unit Pengurusan Halal, JAIPk. Sampel pengauditan ditumpukan kepada premis makanan, kilang memproses makanan dan rumah sembelihan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan bersama pegawai JAIPk ke premis yang dipilih di sekitar daerah Kinta juga dijalankan.

### 3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2014 mendapati pengurusan pengeluaran Sijil Halal oleh Unit Pengurusan Halal JAIPk adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang dijelaskan seperti berikut:


- Pemohon tidak mematuhi syarat untuk kelulusan pensijilan halal.
- Kelewatan mengeluarkan Sijil Halal di peringkat JAKIM.
- Pelanggaran syarat Sijil Halal yang telah diluluskan.
- Risalah berhubung kepentingan pensijilan halal tidak diedarkan.

#### 3.4.1. Prestasi Pensijilan Halal Malaysia

**3.4.1.1.** Pengurusan pengeluaran Sijil Halal di Negeri Perak dilaksanakan mengikut Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua). Manual tersebut diguna pakai bagi tujuan menyeragamkan proses kerja yang merangkumi prosedur permohonan, pemeriksaan, kelulusan, pemantauan dan penguatkuasaan. Berdasarkan manual tersebut, aliran proses kerja pengeluaran Sijil Halal adalah seperti di **Carta 3.1**.



**Carta 3.1**  
**Aliran Proses Pengeluaran Sijil Halal**



Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

**3.4.1.2.** Sebelum bulan Ogos 2012, permohonan untuk Sijil Halal dibuat secara manual dengan mengisi borang dan mengemukakan kepada Unit Pengurusan Halal, JAIPk untuk diproses. Bagaimanapun selepas itu, permohonan secara talian melalui Sistem e-Halal mula digunakan sepenuhnya di JAIPk di mana pemohon hanya perlu mengisi borang maklumat di laman sesawang [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my). Pengeluaran Sijil Halal merangkumi kategori premis makanan, produk makanan serta bahan gunaan dan rumah sembelihan. Bagi tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 2,234 permohonan yang merangkumi 1,097 permohonan baharu dan 1,137 pembaharuan Sijil Halal telah diterima daripada pengusaha/pemilik premis. Berdasarkan kepada 2,234 permohonan yang diterima, sebanyak 2,233 atau 99.9% telah diluluskan dan dikeluarkan Sijil Halal. Kedudukan jumlah permohonan yang diterima, dilulus dan ditolak termasuk pembaharuan Sijil Halal bagi 3 kategori yang diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1****Kedudukan Permohonan Yang Diterima, Dilulus Dan Ditolak Untuk 3 Kategori Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Permohonan Sijil Halal											
	Rumah Sembelih				Premis Makanan				Produk Makanan Dan Bahan Gunaan			
	PB	L	T	PS	PB	L	T	PS	PB	L	T	PS
2011	-	-	-	33	12	12	-	133	184	184	-	375
2012	20	20	-	18	132	132	-	85	266	266	-	199
2013	14	14	-	10	124	124	-	90	345	344	1	194
<b>Jumlah</b>	<b>34</b>	<b>34</b>	<b>0</b>	<b>61</b>	<b>268</b>	<b>268</b>	<b>0</b>	<b>308</b>	<b>795</b>	<b>794</b>	<b>1</b>	<b>768</b>

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

Nota: PB – Permohonan Baharu, L – Lulus, T – Tolak, PS – Pembaharuan Sijil

**3.4.1.3.** Butiran prestasi pengeluaran Sijil Halal mengikut 3 kategori yang diaudit adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2****Prestasi Pengeluaran Sijil Halal Mengikut 3 Kategori Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Kategori Sijil Halal			Jumlah	Perubahan	
	Rumah Sembelih	Premis Makanan	Produk Makanan Dan Bahan Gunaan		Bilangan	(%)
2011	33	145	559	737	-	-
2012	38	217	465	720	-17	-2.3
2013	24	214	538	776	+56	+7.8
<b>Jumlah</b>	<b>95</b>	<b>576</b>	<b>1,562</b>	<b>2,233</b>		

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

**3.4.2. Pemeriksaan Terhadap Premis**

**3.4.2.1.** Pemeriksaan premis dijalankan setelah permohonan untuk Sijil Halal yang diterima memenuhi semua syarat yang ditetapkan dan bayaran yuran atau caj perkhidmatan dijelaskan oleh pemohon. Pemeriksaan terhadap premis antaranya meliputi aspek dokumentasi, pemprosesan dan pengendalian produk, peralatan, perkakasan, penyimpanan, kebersihan dan sanitasi serta keselamatan premis dan makanan.

**3.4.2.2.** Mengikut Piagam Pelanggan JAIPk serta aliran proses kerja Sistem e-Halal, pemeriksaan premis dilakukan dalam tempoh 30 hari selepas bayaran yuran diterima. Semakan Audit terhadap 120 fail permohonan mendapati 26 (21.7%) kes pemeriksaan terhadap premis lewat dijalankan oleh JAIPk iaitu melebihi 30 hari antara 12 hingga 155 hari. Manakala 94 (78.3%) kes pemeriksaan premis berjaya dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan. Mengikut temu bual dengan pegawai JAIPk, kelewatan melakukan pemeriksaan premis adalah kerana pihak JAIPk tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Tempoh Pemeriksaan Terhadap Premis Yang**  
**Dijalankan Oleh JAIPk**

Bilangan Permohonan	Tempoh Pemeriksaan Premis (Hari)
94	1 Hingga 30
22	31 Hingga 60
1	61 Hingga 90
3	Melebihi 91
<b>120</b>	

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

### **3.4.3. Pemohon Tidak Mematuhi Syarat Kelulusan Pensijilan Halal**

Pengauditan semula hanya dilakukan sekali sekiranya tindakan pembedulan yang dikehendaki telah dipatuhi oleh pemohon selaras dengan Perenggan 7.3.3 (iii), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua). Semakan Audit terhadap 120 fail permohonan mendapati 16 (13.3%) daripadanya tidak mematuhi syarat untuk kelulusan pensijilan halal yang ditetapkan seperti di **Jadual 3.4**. Pihak JAIPk telah mengeluarkan sebanyak 33 laporan ketidakakuran (*NCR – Non Conformance Report*) syarat kepada pemohon dan tindakan pembedulan yang perlu diambil. Semakan Audit selanjutnya mendapati 16 permohonan berkenaan telah diberikan laporan ketidakakuran melebihi daripada sekali semasa pemeriksaan premis dilakukan. Antara syarat yang tidak dipatuhi ialah tahap kebersihan tidak memuaskan dan penggunaan bahan ramuan diragui kerana tidak mempunyai Sijil Halal. Keadaan ini berlaku kerana pemohon tidak memahami syarat permohonan secara terperinci dan tindakan pembedulan yang perlu dilakukan. Keadaan ini menyebabkan pihak JAIPk terpaksa mengulangi aktiviti pemeriksaan premis dan mengakibatkan proses pengeluaran Sijil Halal lewat dikeluarkan.

**Jadual 3.4**  
**Permohonan Yang Diberikan Laporan Ketidakakuran (NCR) Melebihi Sekali**

Bil.	Kategori	Bilangan Permohonan Mengikut Kategori	Bilangan NCR Dikeluarkan
1.	Premis Makanan	11	23
2.	Produk Makanan Dan Bahan Gunaan	5	10
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>	<b>33</b>

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

### 3.4.4. Sijil Halal Lewat Dikeluarkan

3.4.4.1. Piagam Pelanggan Pensijilan Halal Malaysia JAKIM menetapkan Sijil Halal akan dikeluarkan kepada pemohon dalam tempoh 5 hari selepas kelulusan Mesyuarat Panel Pengesahan Halal. Daripada 120 fail permohonan yang disemak mendapati sebanyak 22 Sijil Halal atau 18.3% telah lewat dikeluarkan oleh JAKIM melebihi tempoh 5 hari. Semakan Audit mendapati pihak JAIPk telah mengeluarkan surat pengesahan halal sementara dalam tempoh sah laku 2 bulan kepada pemohon setelah panel pengesahan halal meluluskan permohonan. Pihak Audit dimaklumkan langkah ini diambil oleh pihak JAIPk bagi mengelakkan rungutan pihak pengusaha yang lewat menerima Sijil Halal dan memerlukan sijil tersebut untuk tujuan promosi dan pemasaran. Butiran adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Tempoh Kelewatan Mengeluarkan Sijil Halal Oleh JAKIM**

Tempoh Kelewatan Mengeluarkan Sijil (Hari)	Bilangan	Peratus (%)
6 Hingga 30	15	68.2
31 Hingga 60	4	18.2
Melebihi 61	3	13.6
<b>Jumlah</b>	<b>22</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

3.4.4.2. **Mengikut maklum balas bertarikh 4 Julai 2014, selepas Sistem e-Halal diaplikasikan proses pengeluaran sijil tidak lagi dijalankan oleh pihak JAIPk tetapi telah dijalankan oleh pihak JAKIM. Selepas proses terakhir daripada JAIPk iaitu mesyuarat panel, pihak JAIPk akan menghantar senarai nama pemohon yang disyorkan lulus kepada pihak JAKIM.**

Pada pendapat Audit, proses pengeluaran Sijil Halal adalah kurang memuaskan kerana Sijil Halal lewat dikeluarkan kepada pemohon oleh JAKIM. Tindakan mengeluarkan Surat Pengesahan Halal Sementara oleh JAIPk tidak sepatutnya berlaku kerana akan menimbulkan keraguan daripada aspek status halal premis dan produk.

### 3.4.5. Pelanggaran Syarat Sijil Halal Selepas Kelulusan

Sekiranya didapati berlaku ketidakpatuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan, pegawai pemeriksa akan mengeluarkan notis peringatan ketidakakuran hasil lawatan terhadap pengusaha. Pihak Audit telah menyertai pemeriksaan mengejut di beberapa premis perniagaan dan pengeluar produk bersama pegawai JAIPk. Hasil lawatan pada 5 dan 6 Mei 2014 mendapati perkara berikut:

### 3.4.5.1. Pengusaha Mempamerkan Sijil Halal Yang Tamat Tempoh Serta Penggunaan Logo Halal Yang Tidak Diluluskan/Tamat Tempoh Pada Produk

- a. Mengikut Perenggan 7.4.6(b)(ix), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua), adalah menjadi kesalahan besar sekiranya pengusaha mengguna dan mempamerkan Sijil Halal yang telah tamat tempoh. Kesalahan ini boleh menyebabkan Sijil Halal digantung dan dikemukakan kepada Panel Pengesahan Halal untuk keputusan muktamad. Perenggan 8.3.1. membenarkan pengusaha mengemukakan permohonan pembaharuan Sijil Halal 3 bulan sebelum tarikh tamat tempoh.
- b. Lawatan Audit pada 5 dan 6 Mei 2014 di 2 premis di Ipoh iaitu restoran/premis makanan dan kilang pengeluar produk makanan mendapati pengusaha mempamerkan Logo Halal yang telah tamat tempoh di premis dan produk keluarannya. Pegawai JAIPk telah memberi peringatan secara bertulis kepada pengusaha berkenaan untuk mengambil tindakan membarui Sijil Halal dan mengarahkan supaya Logo Halal pada produk keluaran ditutup/ditanggalkan. Dua premis yang dilawati adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

**Gambar 3.1**  
**Logo Halal Tamat Tempoh**  
**Masih Dipamerkan Di Premis**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Premis Makanan Di Ipoh  
Tarikh: 6 Mei 2014

**Gambar 3.2**  
**Penggunaan Logo Halal Yang Tidak Diluluskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kilang Kicap Dan Sos Di Ipoh  
Tarikh: 5 Mei 2014

### **3.4.5.2. Penggunaan Produk Makanan Dan Bahan Ramuan Yang Tidak Mempunyai Sijil Halal**

- a. Mengikut Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua) menyatakan ramuan yang berasaskan haiwan hendaklah disahkan halal oleh JAKIM/JAIPk atau badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf. Salinan Sijil Halal hendaklah dilampirkan sebagai bukti pengesahan halal. Begitu juga, menukar atau menambah bahan ramuan yang telah diisytiharkan dalam borang permohonan tanpa kebenaran bertulis daripada JAIPk juga merupakan kesalahan besar yang boleh dikenakan tindakan penggantungan Sijil Halal oleh pegawai pemeriksa dan perlu dikemukakan kepada Panel Pengesahan Halal untuk keputusan muktamad.
- b. Lawatan Audit pada 5 dan 6 Mei 2014 mendapati 2 premis makanan iaitu hotel dan restoran di Ipoh telah menggunakan produk makanan dan bahan ramuan untuk masakan yang tidak mempunyai Sijil Halal. Pihak JAIPk telah memberi peringatan secara bertulis kepada pemilik dan pihak pengurusan premis supaya menggunakan bahan yang halal dan mendapat kelulusan JAIPk. Produk makanan dan bahan ramuan yang tiada Sijil Halal adalah seperti di **Gambar 3.3** hingga **Gambar 3.5**.



**Gambar 3.3**  
**Jagung Muda Dalam Tin**  
**Tanpa Sijil Halal**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Hotel Di Ipoh  
 Tarikh: 5 Mei 2014

**Gambar 3.4**  
**Minuman Laici**  
**Tanpa Sijil Halal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Premis Makanan Di Ipoh  
 Tarikh: 6 Mei 2014

**Gambar 3.5**  
**Keladi Goreng**  
**Tanpa Sijil Halal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Premis Makanan Di Ipoh  
 Tarikh: 6 Mei 2014

### 3.4.5.3. Kebersihan Premis Serta Etika Pakaian Pekerja Tidak Dipatuhi

- a. Perenggan 6.1(i), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua) menyatakan, semasa penyediaan, pengendalian, pemprosesan, pembungkusan atau pemindahan, produk hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan tidak mengandungi bahan ramuan tidak halal mengikut hukum syarak. Kawasan kilang dan sistem sanitasi hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan bebas daripada pencemaran. Seksyen 33.1(f), Akta Makanan 1983 – Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 menyatakan pengendali makanan semasa mengendali, menyedia, membungkus, membawa, menyimpan, mempamer dan menghidang makanan hendaklah tidak memakai perhiasan diri atau aksesori yang lain. Mengikut senarai semak yang digunakan oleh pegawai JAIPk, pekerja hendaklah sentiasa memakai kasut dan sarung tangan di tempat pembungkusan atau pemprosesan makanan di kawasan kilang.

- b. Lawatan Audit bersama pegawai JAIPk pada 5 Mei 2014 di 2 premis pengeluar produk makanan dan bahan gunaan mendapati beberapa ketidakakuran atau kesalahan iaitu stor penyimpanan bahan gunaan utama produk (kacang soya) terdedah kepada makhluk perosak seperti tikus, lalat dan lipas. Selain itu, tempat pemprosesan adalah kotor dan juga pekerja memakai perhiasan diri dan selipar. **Gambar 3.6** hingga **Gambar 3.8** adalah berkaitan.

**Gambar 3.6**  
**Pekerja Memakai Perhiasan Diri, Tidak Memakai Sarung Tangan Dan Memakai Selipar Di Tempat Pemrosesan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kilang Kicap Dan Sos Di Ipoh  
Tarikh: 5 Mei 2014

**Gambar 3.7**  
**Stor Penyimpanan Bahan Gunaan Utama Produk Terdedah Kepada Makhluk Perosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kilang Kicap Dan Sos Di Ipoh  
Tarikh: 5 Mei 2014



**Gambar 3.8**  
**Tempat Pemprosesan Produk**  
**Yang Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kilang Kicap Dan Sos Di Ipoh  
Tarikh: 5 Mei 2014

- c. **Mengikut maklum balas bertarikh 4 Julai 2014, kekurangan kakitangan di Unit Pengurusan Halal JAIPk merupakan salah satu punca kurangnya pemantauan dan penguatkuasaan terhadap premis/syarikat yang mempunyai pensijilan halal. Antara punca berlakunya ketidakakuran di kalangan pemegang Sijil Halal adalah mereka tidak komited dengan prosedur pensijilan halal. Di samping itu, pekerja didapati tidak mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi daripada Kursus Pengendalian Makanan. Kursus ini wajib dihadiri oleh pengendali makanan, di mana perkara ini termaktub dalam Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Melalui kursus ini pengendali makanan akan didedahkan dengan perkara-perkara seperti etika berpakaian yang sesuai, peranan seorang pengendali makanan semasa mengendalikan makanan dan penekanan daripada aspek kebersihan.**

#### **3.4.5.4. Syarat Pensijilan Halal Bagi Rumah Sembelihan Tidak Dipatuhi**

- a. Pengendali rumah sembelihan hendaklah mematuhi Perenggan 5.5.2, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua). Antara syarat yang ditetapkan ialah rumah sembelihan hendaklah bersih dan memastikan haiwan yang tidak sempurna disembelih mengikut hukum syarak dasingkan serta dilabelkan sebagai tidak halal. Selain itu, pertukaran penyembelih hendaklah dilakukan setelah sembelihan mencapai maksimum 2,000 ekor ayam. Pemeriksaan Audit bersama pegawai dari JAIPk pada 15 Mei 2014 mendapati pengusaha rumah sembelihan di pekan Pusing tidak mematuhi beberapa syarat pensijilan yang ditetapkan. Antara perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:
- i. Pengusaha tidak menyediakan bekas bagi mengasingkan sembelihan yang rosak atau tidak halal, keadaan rumah sembelihan yang kotor dan tidak dijaga dengan baik serta pekerja di tempat pemprosesan tidak memakai sarung tangan. Semakan lanjut mendapati rumah sembelihan tersebut mempunyai Sijil Halal

yang masih aktif bagi tempoh 22 Jun 2012 hingga 21 Jun 2014. Keadaan di rumah sembelihan semasa lawatan Audit pada 15 Mei 2014 adalah seperti di **Gambar 3.9** hingga **Gambar 3.11**.

**Gambar 3.9**  
**Bekas Untuk Mengasingkan Sembelihan Yang Rosak**  
**Atau Tidak Halal Tidak Disediakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Sembelihan Di Pusing  
Tarikh: 15 Mei 2014

**Gambar 3.10**  
**Keadaan Lantai Di Rumah Sembelihan Yang Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Sembelihan Di Pusing  
Tarikh: 15 Mei 2014

**Gambar 3.11**  
**Pekerja Di Tempat Pemrosesan Tidak Memakai Sarung Tangan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Sembelihan Di Pusing  
Tarikh: 15 Mei 2014

- ii. Pengusaha rumah sembelihan di pekan Pusing ada menyediakan jadual penggiliran untuk penyembelih ayam dari hari Ahad hingga Jumaat. Jumlah penyembelih adalah seramai 9 orang yang terdiri daripada warganegara Malaysia, Nepal, Bangladesh dan Indonesia. Rumah sembelihan tersebut beroperasi dari jam 5.00 pagi hingga 3 petang pada hari Isnin hingga Sabtu dan dari jam 5.00 pagi hingga 1.30 petang pada hari Ahad. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada hari Isnin, Selasa dan Rabu hanya seorang penyembelih yang bertugas pada hari-hari tersebut. Manakala pada hari Ahad, Khamis dan Jumaat, dua orang penyembelih yang bertugas. Berdasarkan jadual penggiliran dan juga temu bual dengan penyembelih, tidak ada bukti yang menunjukkan penyembelih ditukarkan selepas setiap satu jam penyembelihan ayam dilakukan. Selain itu, pemilik rumah sembelihan tersebut juga menyatakan pada masa-masa tertentu iaitu bergantung kepada permintaan dan syarikatnya pernah menyembelih sehingga 60,000 ekor ayam sehari. Semakan Audit selanjutnya mendapati 2 orang penyembelih telah tamat tempoh sijil penyembelihan masing-masing pada 24 Februari 2014 dan 3 Mei 2014.
- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 4 Julai 2014, terdapat pemegang Sijil Halal yang tidak komited dengan prosedur pensijilan halal, menyebabkan berlakunya ketidakakuran di rumah sembelihan ayam. Terdapat pekerja yang tidak mengaplikasikan pengetahuan yang didedahkan melalui Kursus Pengendalian Makanan. Di samping itu, pihak syarikat kurang kesedaran dan tidak menitikberatkan aspek kebersihan. Proses pembersihan lazimnya dilakukan selepas pemrosesan produk selesai, sedangkan semasa pemrosesan risiko pencemaran perlu diminimumkan sebaik mungkin. Terdapat juga pemegang Sijil Halal yang sebelum ini beranggapan aspek halal merangkumi bahan ramuan semata-mata dan tidak melibatkan aspek teknikal.**

**Pada pendapat Audit, JAIPk hendaklah mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap syarat pensijilan halal kerana terdapat pengusaha atau pengilang produk halal yang tidak mematuhi syarat pensijilan yang ditetapkan.**

#### **3.4.6. Promosi Dan Hebahan**

Semua agensi yang berkaitan Pensijilan Halal Malaysia antaranya seperti JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan adalah bertanggungjawab terhadap aktiviti promosi dan hebahan mengenai hal-hal berkaitan halal. Bagi pihak JAIPk, tanggungjawab ini dilaksanakan oleh Unit Sebaran Am di Bahagian Penyelidikan yang dibantu oleh Unit Pengurusan Halal. Semakan Audit terhadap aktiviti promosi yang dijalankan JAIPk mendapati perkara berikut:

##### **3.4.6.1. Direktori Halal Perak Tidak Kemas Kini**

- a. Pihak JAIPk ada menyediakan laman web berkaitan Pensijilan Halal Malaysia yang dibangunkan pada bulan September 2006 dan boleh diakses melalui laman sesawang di [www.perakhalal.com.my](http://www.perakhalal.com.my). Laman sesawang tersebut mengandungi latar belakang pengurusan pensijilan halal, senarai premis yang telah diberi Sijil Halal dan produk serta bahan gunaan yang telah diperakui halal dan juga prosedur membaharui sijil. Semakan Audit terhadap laman sesawang tersebut mendapati maklumat pensijilan halal adalah tidak lengkap dan kemas kini. Tarikh terakhir maklumat dan data dikemas kini pada laman sesawang tersebut tidak dinyatakan. Antara maklumat yang masih belum dikemas kini ialah senarai premis baru yang memperoleh Sijil Halal dan pembaharuan sijil. Sebagai contoh, semua premis dan produk serta bahan gunaan yang telah dipersijilkan pada tahun 2012 dan 2013 masih belum dimasukkan dalam laman sesawang berkenaan. Keadaan ini mengakibatkan maklumat yang diberi oleh JAIPk tidak tepat dan boleh mengelirukan orang awam. Selain itu, pihak JAIPk juga menjalankan promosi melalui akaun 'Facebook'.
- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 4 Julai 2014, saluran hebahan/promosi oleh JAIPk adalah melalui akaun 'Facebook' Bahagian Penyelidikan dan juga Halal Buletin. Direktori halal dikemas kini oleh pihak JAKIM.**

##### **3.4.6.2. Risalah Berhubung Kepentingan Pensijilan Halal Tidak Diedarkan**

- a. Pihak JAIPk dengan kerjasama agensi lain bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti promosi dan hebahan. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah penganjuran seminar, bengkel, kursus, pameran produk halal dan hebahan melalui media massa. Aktiviti ini menjadi keutamaan selaras dengan pemakaian Akta Perihal Dagangan 2011 dan penggunaan Sistem e-Halal. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011 hingga 2013, pihak JAIPk telah menganjur dan mengadakan sebanyak 24 seminar dan bengkel serta pameran produk dan bahan gunaan halal di sekitar Negeri Perak. Pihak JAIPk juga ada mencetak dan menerbitkan beberapa risalah berkaitan halal

melalui Bahagian Penyelidikan dan antaranya seperti Etika Penyembelihan Di Dalam Islam, Garis Panduan Menyamak/Sertu Menurut Perspektif Islam, Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Ehwat Agama Islam Malaysia Berkaitan Halal dan Badan-Badan Pengesahan Halal Yang Diiktiraf JAKIM. Bagaimanapun, temu bual Audit dengan beberapa pengusaha premis dan orang awam mendapati mereka kurang arif dan kurang mendapat maklumat mengenai pensijilan halal Malaysia dan aktiviti promosi yang dijalankan. Perkara ini berlaku kerana kempen atau aktiviti promosi dan hebahan yang dilaksanakan JAIPk adalah tidak menyeluruh dan kemungkinan tidak sampai kepada pengusaha dan pengguna. Risalah-risalah yang diterbitkan hanya diletak di bahagian kaunter urusan di Unit Pengurusan Halal.

- b. Mengikut maklum balas bertariikh 4 Julai 2014, pihak JAIPk memberi taklimat/ceramah kepada usahawan, pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, sekolah-sekolah dan masjid.**

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan promosi dan hebahan mengenai pensijilan halal perlu dipertingkatkan supaya pengusaha dan pengguna memperoleh maklumat yang tepat dan jelas.**

### **3.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan pengeluaran Sijil Halal ini dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan Unit Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Perak disyorkan mengambil tindakan berikut:

**3.5.1.** Mengkaji semula prosedur pengeluaran pensijilan halal supaya dapat dikemukakan kepada pengusaha dengan kadar segera dan JAKIM wajar mempertimbangkan untuk memberi kuasa kepada Jabatan Agama Islam Negeri untuk mengeluarkan Sijil Halal bagi mengelakkan surat pengesahan halal sementara.

**3.5.2.** Memastikan pengusaha mematuhi sepenuhnya syarat-syarat pensijilan halal yang ditetapkan dengan membuat pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pemegang Sijil Halal.

**3.5.3.** Memperluaskan lagi promosi dan hebahan kepada pengusaha dan juga orang awam mengenai kepentingan produk halal kepada masyarakat dan memastikan pengusaha diberikan latihan penggunaan Sistem e-Halal secukupnya berkenaan permohonan Sijil Halal.

# JABATAN PERTANIAN NEGERI PERAK PEJABAT PERTANIAN KINTA PEJABAT PERTANIAN KERIAN

## **4. PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN MAKANAN**

### **4.1. LATAR BELAKANG**

**4.1.1.** Jabatan Pertanian di setiap negeri dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program pengembangan bagi memajukan sektor pekebun kecil. Jabatan Pertanian Negeri Perak (Jabatan) berfungsi mempercepatkan transformasi sektor pertanian kepada sektor yang moden, dinamik dan komersial, memberi khidmat perundingan dan sokongan teknikal, membangunkan industri tanaman makanan dan bunga-bunga, menjamin keselamatan makanan dan alam sekitar serta mempertingkatkan pembangunan sumber manusia.

**4.1.2.** Sebanyak 10 program dilaksanakan bagi merealisasikan pembangunan pertanian Negeri Perak. Satu daripadanya ialah Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran makanan bagi memastikan bekalan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan untuk memenuhi keperluan Negara. Tujuannya adalah untuk meningkatkan eksport hasil dan produk tanaman yang berkualiti tinggi dan selamat dimakan, meningkatkan pendapatan petani bagi mengurangkan kemiskinan luar bandar dan menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pengeluaran makanan. Program ini mengandungi 6 projek pembangunan untuk dilaksanakan iaitu antaranya pembangunan industri padi dan pembangunan industri sayuran serta tanaman ladang.

**4.1.3.** Jabatan Pertanian Negeri Perak telah menggunakan Sistem AgrIS Geoportal untuk memantau perkembangan pertanian secara talian. Data dan maklumat berkaitan pertanian merangkumi program, projek dan petani perlu dikemas kini secara berterusan di dalam Sistem ini.

**4.1.4.** Pelaksanaan Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan adalah dengan memberi bantuan pertanian secara percuma sebagai galakan untuk bertani. Bantuan tersebut terdiri daripada bahan input, peralatan pertanian, bantuan pembersihan kawasan, penyediaan dan penyenggaraan infrastruktur serta penyediaan kawasan logistik. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, Jabatan telah menerima peruntukan sejumlah RM8.74 juta bagi membiayai Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan dan sejumlah RM8.73 juta telah dibelanjakan.

## **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan aspek pengurusan Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan bagi tahun 2011 hingga 2013 melibatkan Jabatan Pertanian Negeri dan di 2 daerah iaitu daerah Kinta dan Kerian. Pengauditan tertumpu kepada tanaman padi, tanaman sayur-sayuran dan ladang. Pemeriksaan Audit dijalankan dengan menyemak dokumen dan fail-fail berkaitan, menganalisis maklumat program berasaskan data, menemu bual petani dan berbincang dengan pegawai Jabatan dan Pejabat Pertanian Daerah serta membuat lawatan ke ladang. Soal selidik mengenai kepuasan peserta Program ini turut dijalankan.

## **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Mei 2014 mendapati pada keseluruhannya pengurusan terhadap Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan adalah memuaskan dari segi prestasi perbelanjaan program, peningkatan keluasan tanaman, bilangan petani, pengeluaran hasil, pencapaian pengeluaran sayur-sayuran adalah melebihi sasaran. Selain itu, Jabatan juga menggalakkan petani mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) dengan cara memohon Sijil Amalan Ladang Baik Malaysia (MyGAP) dan Skim Organik Malaysia (SOM) di mana berlaku peningkatan bilangan penerima sijil pada setiap tahun. Di samping itu, pencapaian pemantauan fizikal oleh Jabatan Pertanian Negeri dan Agen Pengembangan Kawasan (APK) telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Prestasi pengeluaran padi tidak mencapai sasaran.
- Pendapatan bersih pesawah di daerah Kerian tidak mencapai sasaran.
- Insentif peserta program adalah tidak mengikut peraturan yang berkuat kuasa.
- Perolehan input pertanian tidak direkod, disimpan dan diagihkan dengan sempurna.
- Sijil MyGAP tidak mencapai sasaran dan 10.3% sampel sayur melanggar *Minimum Residual Value (MRL)*.

#### 4.4.1. Prestasi Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan

##### 4.4.1.1. Prestasi Perbelanjaan Program

Bagi tahun 2011 hingga 2013 sejumlah RM8.74 juta telah diperuntukkan kepada Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan. Perbelanjaan bagi tempoh 3 tahun untuk Program ini adalah berjumlah RM8.73 juta. Ini bermakna prestasi perbelanjaan mencapai 99.9% berbanding peruntukan bagi tempoh 3 tahun tersebut. Butiran peruntukan dan perbelanjaan Program bagi tahun 2011 hingga 2013 di Negeri Perak adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
Perbelanjaan Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan  
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Perbelanjaan (RM Juta)						Jumlah (RM Juta)
	Padi	Buah-buahan	Sayur-sayuran & Tanaman Peladang	Tanaman Industri	Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan	Pusat Pengendalian Lepas Tuai	
2011	1.00	1.06	0.60	0.05	0.10	0.08	2.89
2012	0.95	0.97	0.60	0.25	0.10	0.40	3.27
2013	0.90	0.80	0.50	0.25	0.10	0.02	2.57
<b>Jumlah</b>	<b>2.85</b>	<b>2.83</b>	<b>1.70</b>	<b>0.55</b>	<b>0.30</b>	<b>0.50</b>	<b>8.73</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak

##### 4.4.1.2. Prestasi Perbelanjaan 2 Jenis Bantuan

Prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan untuk tempoh 3 tahun bagi 2 jenis bantuan yang diaudit adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
Prestasi Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Jenis Bantuan	Peruntukan (RM Juta)				Perbelanjaan (RM Juta)				% Belanja
	2011	2012	2013	Jumlah	2011	2012	2013	Jumlah	
Padi	1.00	0.95	0.90	2.85	1.00	0.95	0.90	2.85	100
Sayur-sayuran Dan Tanaman Ladang	0.60	0.60	0.50	1.70	0.60	0.60	0.50	1.70	100
<b>Jumlah</b>	<b>1.60</b>	<b>1.55</b>	<b>1.40</b>	<b>4.55</b>	<b>1.60</b>	<b>1.55</b>	<b>1.40</b>	<b>4.55</b>	<b>100</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak

**Pada pendapat Audit prestasi perbelanjaan program bagi tempoh 3 tahun adalah baik kerana peruntukan telah dibelanjakan sepenuhnya.**

##### 4.4.2. Prestasi Pencapaian Program

Bagi memastikan Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan mencapai matlamat dan misi Jabatan iaitu meningkatkan data pengeluaran tanaman, Jabatan perlu menetapkan sasaran keluasan dan hasil setiap tahun. Di daerah Kinta sasaran keluasan dan hasil yang



diaudit melibatkan tanaman sayur-sayuran manakala di daerah Kerian pengauditan dilaksanakan terhadap tanaman sayur-sayuran dan padi.

#### 4.4.2.1. Pengeluaran Hasil Industri Program Tanaman Makanan

- a. Semakan Audit mendapati Jabatan menetapkan sasaran pengeluaran mulai tahun 2013. Tiada sasaran pengeluaran ditetapkan pada tahun sebelumnya. Sasaran dan pencapaian pengeluaran untuk 2 jenis tanaman di Negeri Perak bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
Pencapaian Pengeluaran 2 Jenis Tanaman Berbanding Sasaran Di Negeri Perak Bagi Tahun 2013

Jenis Tanaman	Jumlah Pengeluaran ('000 mt)		Pencapaian (%)
	Sasaran	Pencapaian	
Padi	200	155	77.5
Sayur-sayuran	20	23.7	118.5

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 dan 23 Julai 2014, memang tiada sasaran pengeluaran dibuat pada tahun 2011 dan 2012. Bagaimanapun, sasaran 2013 adalah merupakan KPI (Key Performance Indicator) Pengarah Pertanian Negeri Perak. Laporan Pengeluaran Padi AgrIS Geoportal yang dilaporkan bagi tahun 2013 adalah mencapai sasaran. Wujud selisih masa penjaan laporan di antara KPI dan Laporan AgrIS. Semasa KPI 2013 dibuat pada bulan Disember 2013, data padi masih belum dikemas kini sepenuhnya kerana tarikh akhir pengemaskinian data tahun 2013 adalah pada 28 Februari tahun 2014.**
- c. Pencapaian hasil tanaman di daerah Kinta dan Kerian masing-masing adalah seperti di **Jadual 4.4** dan **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.4**  
Pencapaian Pengeluaran Hasil Tanaman Sayur-sayuran Di Daerah Kinta Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Luas Berhasil (Hektar)	Bil. Petani	Pengeluaran	
			('000 mt)	(RM Juta)
2011	701.1	171	5.7	10.10
2012	1,050.9	194	3.4	5.00
2013	1,205.2	229	16.8	31.40

Sumber: Sistem AgrIS Geoportal

**Jadual 4.5****Pencapaian Pengeluaran Hasil Tanaman Sayur-sayuran Serta Padi Di Daerah Kerian Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Jenis Tanaman	Luas Berhasil (Hektar)	Bil. Petani	Pengeluaran	
				('000 mt)	(RM Juta)
2011	Sayur	1.21	5	0.006	0.03
	Padi	33,758.12	8,568	122.7	159.52
2012	Sayur	0.4	3	0.003	0.02
	Padi	30,917.80	8,646	123.14	160.90
2013	Sayur	6.41	10	0.032	0.20
	Padi	35,119.61	8,814	154.34	202.53

Sumber: Sistem AgrIS Geoportal

Pada pendapat Audit, pencapaian pengeluaran hasil tanaman sayur-sayuran adalah memuaskan kerana melebihi sasaran yang ditetapkan. Selain itu, peningkatan keluasan tanaman, bilangan petani dan pengeluaran hasil berlaku pada tahun 2013 kecuali prestasi pencapaian pengeluaran padi kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

#### 4.4.3. Sasaran Pendapatan Petani

##### 4.4.3.1. Sasaran Pendapatan Bersih Projek Sayur

- a. Mengikut Garis Panduan Projek Pembangunan Jabatan Pertanian, matlamat projek perladangan berkelompok adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan sasar dengan pendapatan bersih RM1,000 sebulan. Semakan Audit terhadap Pendapatan Bersih Bulanan Petani bagi tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan melalui Sistem AgrIS Geoportal di 2 daerah adalah seperti di **Jadual 4.6**.

**Jadual 4.6****Pendapatan Bersih Bulanan Peserta Tanaman Sayur Bagi Tahun 2013**

Tahun	Peserta			RM1,000 Ke Bawah (Bil. Petani)	RM1,000 Ke Atas (Bil. Petani)	Pencapaian Sasaran (%)
	Daerah	Jenis Tanaman	Bil.			
2013	Kinta	Sayur	157	0	157	100
	Kerian	Sayur	8	5	3	37.50

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak

- b. Analisis Audit terhadap pendapatan petani di daerah Kinta berjaya mencapai 100% dengan memperoleh pendapatan bersih melebihi RM1,000. Manakala di daerah Kerian hanya 3 orang petani atau 37.5% petani yang berjaya memperoleh pendapatan melebihi RM1,000 bagi penanam sayur. Ini disebabkan oleh hasil belum mencapai tempoh matang tanaman dan faktor keluasan yang rendah.
- c. **Mengikut maklum balas bertariikh 8 dan 23 Julai 2014, projek yang diusahakan belum mencapai tempoh matang tanaman bagi tahun pelaporan berakhir 31 Disember 2013 menyebabkan pendapatan belum mencapai tahap optima. Hasil dituai dan direkodkan pada tahun 2014. Tiga lagi penerima bantuan telah dikenal pasti faktor keluasan yang rendah menyebabkan pendapatan tidak**

mencapai sasaran. Oleh yang demikian, Jabatan akan mengambil tindakan meningkatkan kekerapan tanaman dan meningkatkan khidmat nasihat Amalan Pertanian Baik.

#### 4.4.3.2. Tiada Kaedah Pemantauan Pendapatan Pesawah Ditetapkan

- a. Sasaran yang ditetapkan dalam RMKe-10 oleh Jabatan Pertanian Negeri Perak untuk pembangunan industri padi adalah meningkatkan pendapatan bersih pesawah lebih daripada RM2,000 bagi setiap 4 hektar sekeluarga sebulan di dalam jelapang manakala RM1,500 bagi setiap 4 hektar di luar jelapang.
- b. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kaedah pemantauan ada disediakan kerana tiada dokumen sokongan dikemukakan kepada pihak Audit. Bagaimanapun, hasil pengauditan di Pejabat Pertanian Daerah Kerian mendapati pendapatan pesawah adalah seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**  
**Pendapatan Bersih Bulanan Peserta Tanaman Padi Bagi Tahun 2013**

Tahun	Bil. Pesawah	Pendapatan RM1,000 Ke Bawah	Pendapatan RM1,000 Ke Atas
		(Bil. Pesawah)	(Bil. Pesawah)
2013	8,542	3,832	4,710

Sumber: Pejabat Pertanian Daerah Kerian

- c. Analisis Audit terhadap pendapatan peserta tanaman padi mendapati seramai 3,832 pesawah atau 44.9% memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan manakala 4,710 pesawah telah memperoleh pendapatan bersih melebihi RM1,000.
- d. **Mengikut maklum balas bertarikh 23 Julai 2014, buat masa ini kaedah yang digunakan adalah melalui penjanaan Laporan Sistem AgriS Geoportal. Selepas Exit Conference pada 4 Julai 2014, Jabatan Pertanian Negeri Perak telah mengusulkan perkara ini ke Jabatan Pertanian Putrajaya (system & module owner) dan pihak Jabatan telah diarahkan untuk menjana laporan adhoc bagi mendapatkan Laporan Pendapatan Peserta Tahun 2013. Pada masa akan datang, laporan ini akan disemak bersama-sama Pejabat Pertanian Daerah untuk tujuan pemantauan.**

Pada pendapat Audit, pencapaian pendapatan bersih bulanan adalah memuaskan di kedua-dua daerah.

#### 4.4.4. Insentif Peserta Program

##### 4.4.4.1. Insentif Diluluskan Kepada Petani Yang Tidak Berdaftar Dengan Jabatan

- a. Petani yang ingin memohon insentif mestilah berdaftar dengan Jabatan. Proses pendaftaran ini dilakukan oleh pegawai Agen Pengembangan Kawasan (APK) melalui Sistem AgrIS Geoportal. Semakan Audit dijalankan terhadap rekod penerimaan input pertanian bagi kawasan Bagan Tiang dan Bagan Serai di daerah Kerian serta Laporan Kemajuan Fizikal Dan Kewangan Projek Di Bawah Peruntukan Negeri (Format B). Semakan Audit mendapati sebanyak 489 permohonan insentif telah diluluskan kepada petani di bawah projek sayur-sayuran dan tanaman ladang serta projek penanaman padi di daerah Kinta dan Kerian seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**  
Bantuan Diluluskan Kepada Pemohon Tidak Berdaftar Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Perkara	Jenis Tanaman	Bilangan Peserta						Jumlah
		Kinta			Kerian			
		2011	2012	2013	2011	2012	2013	
Petani Yang Diluluskan Insentif	Padi	TB	TB	TB	128	182	115	425
	Sayur	9	16	20	2	7	10	64
<b>Jumlah</b>		<b>9</b>	<b>16</b>	<b>20</b>	<b>130</b>	<b>189</b>	<b>125</b>	<b>489</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak, Pejabat Pertanian Daerah Kinta dan Kerian

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 248 petani yang menerima insentif bagi tahun 2011 hingga 2013 tidak didaftarkan dalam Sistem AgrIS Geoportal. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.9**  
Insentif Diluluskan Kepada Petani Tidak Berdaftar Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Perkara	Jenis Tanaman	Bilangan Petani						Jumlah
		Kinta			Kerian			
		2011	2012	2013	2011	2012	2013	
Petani Yang Diluluskan Insentif Tidak Berdaftar dalam Sistem AgrIS Geoportal	Padi	TB	TB	TB	51	109	47	207
	Sayur	6	10	16	2	3	4	41
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	<b>10</b>	<b>16</b>	<b>53</b>	<b>112</b>	<b>51</b>	<b>248</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak, Pejabat Pertanian Daerah Kinta dan Kerian

- c. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, bagi daerah Kerian seramai 176 petani daripada 216 penerima bantuan telah didaftarkan di dalam Sistem AgrIS Geoportal. Manakala 40 petani tidak dapat didaftarkan kerana tiada maklumat. Bagi daerah Kinta, 32 petani telah didaftarkan dalam Sistem AgrIS Geoportal. Mulai tahun 2014, daerah Kinta mengguna pakai pendekatan di mana petani yang lulus permohonannya diwajibkan untuk didaftarkan dalam Sistem AgrIS Geoportal sebelum bantuan diedarkan.**

- d. Berdasarkan maklum balas daripada Jabatan, pihak Audit berpendapat Jabatan Pertanian sepatutnya mempunyai maklumat lengkap berkenaan petani yang menerima insentif pertanian daripadanya.

#### 4.4.4.2. Insentif Yang Diterima Melebihi Had Siling Yang Ditetapkan

- a. Rancangan Malaysia Ke-10 (Tahun 2011-2015) Jabatan Pertanian antaranya menyatakan jumlah insentif yang dicadangkan untuk program pembangunan sayur komersil adalah RM8,000 sehektar, tanaman ladang RM5,000 sehektar dan sayur baru adalah RM10,000 sehektar.
- b. Semakan Audit di daerah Kinta mendapati, sebanyak 5 petani yang telah menerima insentif melebihi had siling yang ditetapkan iaitu berjumlah RM28,528. Butiran terperinci seperti di **Jadual 4.10**.

**Jadual 4.10**  
**Petani Yang Menerima Insentif Melebihi Had Siling Yang Ditetapkan**

Bil.	Tanaman	Keluasan Tanah (Hektar)	Tahun	Nilai Siling Kiraan Audit (RM)	Jumlah Insentif Diterima (RM)	Jumlah Terlebih (RM)
1.	Sayur Komersial: RM8,000/hektar	0.4047	2011	3,238	17,770	14,532
2.	Tanaman Ladang: RM5,000/hektar	0.5	2013	2,500	5,000	2,500
3.	Sayur Baru: RM10,000/hektar	0.05	2012	500	4,996	4,496
		0.1	2013	1,000	8,000	7,000
<b>Jumlah</b>						<b>28,528</b>

Sumber: Pejabat Pertanian Daerah Kinta

- c. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, berdasarkan kelulusan di peringkat Persekutuan untuk projek fertigasi, siling peruntukan untuk satu projek fertigasi adalah RM20,000. Pendekatan yang sama telah diguna pakai di peringkat Negeri menyebabkan Jabatan telah berbelanja melebihi siling yang dinyatakan dalam RMKe-10.**

Pada pendapat Audit pengurusan peserta program adalah tidak memuaskan kerana insentif diluluskan kepada peserta yang tidak berdaftar dengan Jabatan dan insentif yang diterima melebihi had yang ditetapkan.

#### 4.4.5. Pengurusan Perolehan, Perekodan, Penyimpanan Dan Pengagihan Input Pertanian

Pada setiap tahun, Jabatan akan menyalurkan sejumlah peruntukan kepada semua Pejabat Pertanian Daerah bagi urusan pembelian input pertanian. Pengagihan peruntukan ini adalah berdasarkan senarai peserta yang telah diluluskan bantuan pertanian oleh daerah masing-

masing. Segala urusan perolehan, perekodan, penyimpanan dan pengagihan input pertanian baja dan racun adalah dipertanggungjawabkan kepada daerah untuk dilaksanakan.

#### 4.4.5.1. Perolehan Input Pertanian Tidak Direkod

- a. Semakan Audit di daerah Kerian mendapati perolehan input pertanian telah direkodkan dengan memuaskan. Bagaimanapun, semakan Audit di daerah Kinta mendapati 10 daripada 30 jenis input pertanian berjumlah RM70,175 telah dibeli antara tahun 2011 hingga 2013 tidak direkodkan dalam buku stok. Pihak Audit juga mendapati tiada bukti menunjukkan input pertanian telah diagihkan kerana tiada dokumen dikemukakan. Selepas teguran Audit, Pejabat Pertanian Daerah Kinta telah mengambil tindakan pembetulan untuk merekodkan semula perolehan tersebut dalam KEW. PS-3 dan KEW. PS-4. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.11**.

**Jadual 4.11**  
**Perolehan Input Pertanian Tidak Direkod Dalam Buku Stok**

Bil.	Jenis Input	Jumlah Kuantiti	Jumlah Harga (RM)
1.	Antracol 70 WP (1kg)	48	2,052
2.	Aviafic (40kg/bag)	293	16,880
3.	Cyper H2O (1l)	75	1,875
4.	Deacis (1l)	5	300
5.	Mancozeb	10	300
6.	NPK 12:12:17+2+TE (50kg)	113	16,774
7.	NPK 15:15:15	188	25,000
8.	NPK 16:16:16 (merah)	(22)	(3,520)
9.	Racun serangga supermo 4l/jar	84	4,470
10.	Racun-Touch Up 4l (Jar)	133	6,044
	<b>Jumlah</b>	<b>927</b>	<b>70,175</b>

Sumber: Pejabat Pertanian Daerah Kinta

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, input-input berkenaan telah diedarkan terus kepada peserta projek tanpa disimpan di dalam stor. Ini telah menyebabkan pembelian input tersebut tidak direkodkan dalam KEW PS-4. Rekod pembelian dan pengedaran input-input tersebut telah direkod semula dalam KEW. PS-3 dan KEW. PS-4.**

#### 4.4.5.2. Input Pertanian Belum Diedarkan

Lawatan Audit ke Stor Jabatan di daerah Kinta pada 8 April 2014 dan Stor Transit serta Stor Jabatan di daerah Kerian pada 29 dan 30 April 2014 mendapati perkara berikut:

- a. Sejumlah RM203,372 perolehan input pertanian melibatkan RM168,086 di daerah Kerian dan RM35,286 di daerah Kinta masih belum diagihkan kepada petani dan disimpan di dalam stor seperti di **Jadual 4.12**. Bagaimanapun semakan Audit selanjutnya mendapati di daerah Kerian input pertanian hanya akan diedarkan mengikut musim tanaman dan untuk menghadapi serangan merebak.

**Jadual 4.12**  
**Input Pertanian Yang Masih Belum Diedarkan**

Daerah	Nama Stor	Harga Perolehan Input (RM)
Kinta	Stor Racun	8,029
	Stor Baja	9,902
	Stor Kinta (Transit)	15,027
	Tempat Penyimpanan Input (Papan)	2,328
<b>Jumlah</b>		<b>35,286</b>
Kerian	Stor Daerah Kerian	120,029
	Stor Cawangan Bagan Tiang (Transit)	14,548
	Stor Cawangan Kuala Kurau (Transit)	14,451
	Stor Cawangan Bagan Serai (Transit)	7,399
	Stor Cawangan Selinsing/Semanggol (Transit)	2,870
	Stor Cawangan Tanjung Piandang (Transit)	8,789
<b>Jumlah</b>		<b>168,086</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>203,372</b>

Sumber: Pejabat Pertanian Daerah Kerian Dan Kinta

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, input-input yang terdapat di dalam stor daerah Kerian bukanlah input yang belum diedarkan, sebaliknya ia merupakan input yang disediakan untuk menghadapi serangan merebak. Manakala di daerah Kinta input-input pertanian tersebut telah diagihkan mengikut senarai penerima yang telah diluluskan. Ada yang diagihkan ketika program di peringkat daerah dan ada yang digunakan untuk keperluan di pusat untuk pokok buah-buahan ketika kursus *hands-on*.**
- c. Berdasarkan maklum balas daripada Jabatan, pihak Audit berpendapat Pejabat Pertanian Daerah Kinta tidak seharusnya menggunakan peruntukan yang diluluskan kepada peserta bagi tujuan kursus *hands-on* di mana pihak Audit tidak dapat mengesahkan nama peserta untuk kursus tersebut kerana tiada dokumen berkenaannya dikemukakan.
- d. Tempat penyimpanan input pertanian di daerah Kinta didapati tidak berkunci dan kotor seperti di **Gambar 4.1 dan Gambar 4.2**.

**Gambar 4.1**  
**Tempat Penyimpanan Input**  
**Tidak Berkunci**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Pertanian Daerah Kinta  
Tarikh: 8 April 2014

**Gambar 4.2**  
**Tempat Penyimpanan Input**  
**Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Pertanian Daerah Kinta  
Tarikh: 8 April 2014

- e. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, stor papan tersebut tidak lagi digunakan. Input yang dijumpai merupakan input yang dikeluarkan dari stor untuk membaja pokok buah-buahan di Pusat dan digunakan semasa kursus hands-on.**

#### **4.4.5.3. Pengagihan Input Pertanian Tidak Dapat Disahkan**

Daftar Stok Bekalan Pejabat (KEW. 314) adalah digunakan untuk merekod keluar masuk stok dan Borang Permohonan Stok (KEW.PS-11) pula merekodkan pengeluaran stok.

- a. Setiap daerah akan membuat perolehan input pertanian berdasarkan senarai nama peserta dan insentif yang diluluskan. Input pertanian akan diberikan kepada peserta yang diluluskan dan diagih mengikut musim tanaman. Semakan Audit mendapati pengagihan input pertanian di daerah Kerian adalah baik kerana setiap stok yang keluar masuk direkodkan dalam buku KEW. 314 dengan sempurna. Pengagihan ini dibuat oleh Agen Pengembangan Kawasan di Pejabat Pertanian Cawangan. Setiap kali pengagihan dibuat, petani akan menandatangani Borang Penerimaan Bantuan Input.
- b. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan pengagihan input di daerah Kinta kerana rekod tidak diselenggarakan dengan sempurna. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
- i. Lawatan Audit pada 8 April 2014 ke stor di Kinta mendapati kuantiti input baja dan racun yang direkodkan berbeza dengan rekod KEW. PS-4. Perbezaan ini ditunjukkan dalam **Jadual 4.13**.



**Jadual 4.13**

**Bahan Input Di Stor Baja Dan Racun Berbeza Dengan Baki KEW.PS-4**

Bil.	Stor	Jenis Racun	Bilangan			
			Stor	Kew. PS-4	Perbezaan	
					Lebihan	Kurangan
1.	Stor Racun	Mancozerb	66	1	65	-
		Conza 50	18	5	13	-
		Farmon 500 ( 1 kg)	4	6	-	2
		Hipod Calcium	5	0	5	-
		Planofic	30	Tiada kad	30	-
		Neopeace	16	0	16	-
		FC Delta 140	10	Tiada kad	10	-
		Benex (Benomyl)	3	4	-	1
		Agr (transorb)	9	0	9	-
		<b>Jumlah</b>	<b>161</b>		<b>148</b>	<b>3</b>
2.	Stor Baja	Yara Mila 13:13:21	8	0	8	-
		Yara Mila 16:16:16 (Biru)	5	Tiada kad	5	-
		TSP 15	5	0	5	-
		CIRP 18	18	Tiada kad	18	-
		Tahi Ayam	17	Tiada kad	17	-
		Baja Organik Campuran	20	Tiada kad	20	-
		Baja NPK 16:16:16 (Merah)	8	1	7	-
<b>Jumlah</b>	<b>81</b>		<b>80</b>	<b>0</b>		
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				<b>228</b>	<b>-3</b>	

Sumber: Pejabat Pertanian Daerah Kinta

- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap 11 jenis input pertanian mendapati sejumlah 570 unit yang berjumlah RM48,403 tidak dapat disahkan pengagihannya kerana perbezaan rekod antara daftar stok KEW. 314 dengan KEW.PS-4. Perbezaan adalah seperti di **Jadual 4.14**.

**Jadual 4.14**

**Perbezaan Rekod Keluar Antara KEW.PS-11 Dengan KEW.314**

Tahun	Tarikh Permohonan	Nama Baja/Racun	Tarikh Keluar Baja/Racun	
			KEW.PS-11	KEW.314
2011	22.07.2011	NPK 12:12:17 2 NPK 15:15:15 Round Up	22.07.2011	Tidak direkodkan
	20.12.2011	NPK 15:15:15 Manconzeb Antracol Malathion 57 Cyper 5.5	20.12.2011	Tidak direkodkan
2012	13.08.2012	NPK 12:12:17 2 NPK 15:15:15 Deacis	13.08.2012	Tidak direkodkan
	5.09.2012	Supermo	5.09.2012	Tidak direkodkan
	12.9.2012	NPK 12:12:17 2 NPK 15:15:15	12.09.2012	Tidak direkodkan
	27.09.2012	NPK 15:15:15	27.09.2012	Tidak direkodkan

Tahun	Tarikh Permohonan	Nama Baja/Racun	Tarikh Keluar Baja/Racun	
			KEW.PS-11	KEW.314
2013	25.10.2012	Cyper 5.5 Manconzeb	25.10.2012	Tidak direkodkan
		NPK 15:15:15 Antracol Supermo 41%		
	20.05.2013	NPK 12:12:17 2 NPK 15:15:15 Logic 75 Antracol	20.05.2013	Tidak direkodkan
		9.09.2013		
7.10.2013	NPK 12:12:17 2 NPK 15:15:15 Paraquat Logic 75 Antracol	7.10.2011	Tidak direkodkan	

Sumber: Pejabat Pertanian Daerah Kinta

- c. **Mengikut maklum balas bertariikh 8 Julai 2014, keadaan ini berlaku disebabkan Pejabat Pertanian Daerah Kinta tidak ada jawatan Pembantu Tadbir Stor. Oleh yang demikian, pengurusan Pejabat Pertanian Daerah Kinta telah melantik secara pentadbiran seorang pembantu Pertanian G17 untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan stor di mana Pembantu Pertanian berkenaan tidak ada pengalaman dan pengetahuan dalam pengurusan stor. Perkara ini menyebabkan pengurusan buku stor dilakukan dengan tidak betul. Untuk mengatasi masalah ini, pihak pengurusan Kinta telah melantik seorang Pembantu Tadbir Khas untuk pengurusan stor dan aset. Pegawai berkenaan juga telah dihantar untuk kursus-kursus Tatacara Pengurusan Stor Dan Aset Alih Kerajaan.**

Pada pendapat Audit perolehan input pertanian tidak memuaskan kerana input pertanian di daerah Kinta tidak direkodkan dengan sempurna dan lewat diedarkan.

#### 4.4.6. Keselamatan Pemakanan

##### 4.4.6.1. Sijil Amalan Ladang Baik Malaysia (MyGAP) Dan Skim Organik Malaysia (SOM)

- a. MyGAP adalah skim pensijilan yang diberikan kepada petani daripada aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial untuk memastikan produk yang dihasilkan selamat dan berkualiti. Manakala SOM mengiktiraf ladang-ladang yang diusahakan secara organik iaitu pengeluaran ladang tidak menggunakan bahan kimia sinetik seperti baja kimia sebatian, racun perosak dan hormon penggalak tumbesaran. Jabatan berusaha untuk meningkatkan bilangan penerima sijil-sijil tersebut. Kedudukan sasaran berbanding pencapaian penerima bagi kedua-dua sijil adalah seperti di **Jadual 4.16**.

**Jadual 4.16**  
**Pencapaian Sasaran Penerima Sijil Berbanding Sijil MyGAP Dan SOM**

Tahun	Penerima Sijil			
	MyGAP		SOM	
	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian
2011	10	0	2	1
2012	27	14	4	2
2013	30	28	2	3

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, Jabatan menyedari dan berusaha untuk meningkatkan bilangan penerima sijil tersebut. Oleh yang demikian, Unit Kualiti Tanaman yang mengkhususkan dalam urusan MyGAP dan SOM ditubuhkan pada 11 Mei 2012.**

#### 4.4.6.2. Penggunaan Racun Perosak Dalam Hasil Pertanian

Amalan pertanian baik dari segi penggunaan racun perosak ialah menggunakan racun perosak berdaftar, mengikut label seperti mematuhi jenis tanaman yang disyorkan, kadar bancuhan, kekerapan dan teknik semburan serta tempoh larangan mengutip hasil. Penggunaan yang tidak mengikut peraturan ditetapkan boleh menyebabkan lebihan residu racun perosak dalam hasil ladang yang membahayakan kesihatan pengguna. Kriteria penting Amalan Pertanian Baik (APB) ialah bancuhan, kekerapan, masa, teknik dan penggunaan dipatuhi maka residu racun perosak berkenaan tidak akan melebihi *Maximum Residue Limit (MRL)* yang ditetapkan.

##### a. Prestasi Penghantaran Sampel Residu Racun

Pensampelan residu racun perosak perlu dilakukan untuk memastikan racun yang digunakan oleh pengusaha adalah racun berdaftar, disyorkan dan tidak diguna melebihi kuantiti yang ditetapkan.

- i. Jabatan Pertanian Negeri Perak perlu menghantar sampel residu racun perosak ke Makmal Residu Kuala Lumpur mengikut sasaran yang ditetapkan oleh Bahagian Hortikultur Jabatan Pertanian di Putrajaya untuk dianalisis. Sasaran dan pencapaian penghantaran sampel bagi daerah Kinta dan Kerian adalah seperti di **Jadual 4.17**.

**Jadual 4.17**  
**Sasaran Dan Pencapaian Penghantaran Sampel Residu Racun**  
**Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Daerah	Tahun	Sasaran	Pencapaian	%
Kerian	2011	14	18	128.6
	2012	21	16	76.2
	2013	21	21	100
Kinta	2011	21	24	114.3
	2012	14	19	135.7
	2013	21	19	90.5

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak

- ii. Analisis Audit mendapati pencapaian penghantaran sampel residu racun telah mencapai sasaran yang ditetapkan kecuali tahun 2012 di daerah Kerian dan 2013 di daerah Kinta.
- iii. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, berlaku kekurangan hasil pada masa penghantaran sampel di kedua-dua daerah pada tahun yang terlibat menyebabkan pihak Jabatan telah membuat penjadualan semula melibatkan daerah lain bagi mencapai sasaran. Sasaran Negeri pada tahun 2012 ialah 154 dan pencapaian 156 manakala sasaran Negeri pada tahun 2013 ialah 126 dan pencapaian ialah 175.**

**b. Penggunaan Racun Perosak Yang Tidak Dibenarkan**

- i. Semakan Audit terhadap laporan keputusan ujian sampel analisis residu racun yang disediakan oleh Makmal Residu Racun Kuala Lumpur mendapati 12 sampel atau 10.3% daripada 117 sampel untuk 2 daerah iaitu Kinta dan Kerian bagi tahun 2011 hingga 2013 telah berlaku pelanggaran *MRL*. Butiran terperinci seperti di **Jadual 4.18**.

**Jadual 4.18**

**Sasaran Penghantaran Sampel Residu Racun Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Daerah	Bil. Sampel dianalisis			Bil. Sampel melanggar <i>MRL</i>			Sampel Melanggar <i>MRL</i> (%)		
		2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013
1.	Kinta	24	19	19	3	1	5	12.5	5.3	26.3
2.	Kerian	18	16	21	-	-	3	-	-	14.3
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>42</b>	<b>35</b>	<b>40</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>8</b>	<b>7.1</b>	<b>2.9</b>	<b>20.0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>117</b>			<b>12</b>			<b>10.3</b>		

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak

- ii. Analisis yang dilakukan terhadap 12 sampel pelanggaran *MRL* mendapati perkara seperti di **Jadual 4.19**.

**Jadual 4.19**

**Analisis Penggunaan Racun Yang Melebihi *MRL***

Bil. Sampel	Jenis Racun Yang Digunakan	Butiran
2	<i>Monocrotophos</i>	Untuk tanaman kelapa dan kelapa sawit sahaja.
2	<i>Endosulfan</i>	Diharamkan penggunaan.
2	<i>Fethion</i>	Tidak disyorkan untuk cili.
1	<i>Dithiocarbamate</i>	Tidak disyorkan untuk lobak putih.
2	<i>Omethoate &amp; dimethoate</i>	Tidak disyorkan untuk tanaman cili dan peria.
1	<i>Profenosos</i>	Tidak disyorkan untuk semua sayuran.
2	<i>Cyfluthrin, cypermethrin, dithiocarbamate, chlorpyrifos</i>	Melebihi <i>MRL</i> .

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak

- iii. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Julai 2014, Agen Pengembangan Kawasan dari semasa ke semasa akan memastikan pelanggaran sampel ini dikurangkan peratusan. Khidmat nasihat akan sentiasa diberikan secara berterusan. Agen Pengembangan Kawasan bersama-sama pegawai lain dari semasa ke semasa memberi taklimat dan latihan mengenai penggunaan racun perosak kepada para petani. Pegawai-pegawai dari Bahagian Kawalan Racun Perosak juga membantu pihak daerah untuk memastikan pelanggaran penggunaan racun perosak tidak berlaku lagi.**

**c. Penghantaran Sampel Kali Kedua Tidak Dibuat**

- i. Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemantauan Penggunaan Racun Perosak Dalam Hasil Pertanian menyatakan jika berlaku pelanggaran *MRL* terhadap penggunaan racun perosak pada kali pertama, Jabatan perlu menghantar sampel kedua (hasil tanaman berikutnya) daripada petani yang sama ke makmal untuk dijalankan ujian. Pemantauan residu racun perosak perlu dilakukan bagi memastikan penggunaan racun perosak di kalangan petani agar sentiasa di paras terkawal. Jika masih berlaku pelanggaran *MRL*, Jabatan perlu menghantar sampel ketiga. Sekiranya masih berlaku pelanggaran *MRL* pada sampel ketiga, Jabatan hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa (Jabatan Kesihatan) untuk tindakan penguatkuasaan ke atas pengusaha terbabit.
- ii. Semakan Audit pada 2 Mei 2014 terhadap keputusan ujian pelanggaran residu racun di daerah Kinta bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 mendapati sampel sampel kedua bagi daerah Kinta masih belum dihantar ke makmal. Butiran terperinci seperti di **Jadual 4.20**.

**Jadual 4.20**

**Sampel Kedua Bagi Daerah Kinta Tidak Dihantar Untuk Ujian Residu Racun Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Bil. Sampel Pertama Melanggar MRL	Bil. Sampel Kedua Tidak Dihantar Ke Makmal	No. Sampel	Tarikh Sampel Diambil	Tarikh Keputusan Makmal
2011	3	3	A/KINTA/11/04	06.04.2011	09.04.2011
			A/KINTA/11/06	19.07.2011	16.08.2011
			A/KINTA/11/02	07.12.2011	17.02.2012
2012	1	1	A/KINTA/12/02	05.09.2012	06.09.2012
			A/KINTA/13/02	05.06.2013	15.07.2013
2013	5	3	A/KINTA/13/05	05.06.2013	15.07.2013
			A/KINTA/13/06	23.10.2013	13.11.2013
<b>Jumlah</b>	<b>9</b>	<b>7</b>			

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak

**Pada pendapat Audit, pencapaian sijil MyGAP dan SOM adalah memuaskan kerana berlaku peningkatan penerima sijil pada setiap tahun. Bagaimanapun penghantaran sampel residu racun makhluk perosak dan penghantaran sampel kedua untuk ujian sisa baki racun tidak dipatuhi.**

#### **4.4.7. Pemantauan**

Pemantauan dan penyeliaan yang berterusan oleh Jabatan bagi memastikan Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan. Pemantauan dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri dan Pejabat Pertanian Daerah. Semakan Audit mendapati pemantauan oleh pegawai daripada Jabatan Pertanian Negeri dan APK di peringkat daerah adalah memuaskan. Segala permasalahan petani akan direkod dan dilaporkan untuk diambil tindakan segera oleh Jabatan.

**Pada pendapat Audit, tahap pemantauan adalah memuaskan di mana pada tahun 2012 dan 2013 pemantauan telah dilaksanakan mengikut sasaran yang ditetapkan.**

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan Jabatan Pertanian Negeri Perak disyorkan mengambil tindakan berikut:

**4.5.1.** Pemilihan peserta perlu mengikut kriteria dan peraturan yang ditetapkan serta berdaftar dengan Jabatan Pertanian melalui Sistem AgrIS Geoportal sebelum diberi insentif.

**4.5.2.** Perolehan input pertanian perlu mengikut peraturan yang ditetapkan, direkod dengan kemas kini, disimpan dengan selamat dan diagihkan dengan segera.

**4.5.3.** Melaksanakan pemeriksaan secara berterusan untuk mengelakkan pelanggaran *MRL* supaya dapat dikawal pada tahap minimum.



---

**PENUTUP**





# PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**21 September 2014**







JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
No. 15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana, Presint 2  
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)